

SULIT

1. Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pembinaan petempatan tamadun-tamadun awal manusia.

Jawapan:

Pendahuluan (3 m)

- a. Perkembangan pembinaan petempatan pada tamadun-tamadun awal bermula kira-kira 5000 SM. Antara petempatan-petempatan terawal ialah bahagian utara di Zawi Chemi Shanidar dan Shanidar di timur laut Rawanduz, Karim Shahir, Qalat Jarmo, Hassuna dan Tell Arpachiyia di Mesopotamia, Mesir utara dan Mesir Selatan, dan kawasan Indo-Iran di Indus.
- b. Pembinaan petempatan di sekitar kawasan pertanian dan lembah-lembah sungai seperti Sg. Tigris dan Sg Eupharates di Mesopotamia, Sg. Nil di Mesir, Sg. Indus di India dan Sg. Hwang Ho di China.

Isi-Isi Jawapan (7 isi X 3 m = 21 m)

Faktor-faktor yang mempengaruhi pembinaan petempatan tamadun awal.

- a. Pengaruh sungai dan sumber air: Kebanyakan pembinaan petempatan-petempatan tamadun awal dipengaruhi oleh kedudukan sungai. Kawasan-kawasan yang berhampiran sungai menjadi pilihan pembinaan petempatan. Ini disebabkan sungai memberi sumber air minuman, makanan dan kegunaan dalam kehidupan. Contoh pembinaan petempatan di Mesopotamia berhampiran Sg. Tigris dan Sg. Upharates, di Mesir lembah Sg. Nil menjadi pilihan petempatan manusia dan juga di India Lembah Sg Indus menjadi petempatan manusia. Sumber air telah mendorong manusia untuk hidup menetap dan membuka petempatan kekal kerana aktiviti ekonomi seperti pertanian, penternakan dan perikanan. Sungai dan laut juga memainkan peranan penting dalam perhubungan dan pengangkutan.
- b. Keadaan fizikal muka bumi: Faktor fizikal muka bumi mempengaruhi pembinaan petempatan tamadun awal manusia. Kebanyakan kawasan petempatan tamadun awal manusia terdapat di dataran-dataran lanar, tanah pamah dan lembah-lembah sungai. Mempunyai kecerunan tanah yang rendah. Tanah rendah dan bentuk muka bumi yang rata sesuai untuk pembinaan rumah sebaliknya kawasan yang tidak rata dan bergunung-ganang tidak sesuai untuk petempatan.
- c. Kesuburan tanah : Kesuburan tanah amat mempengaruhi pembinaan petempatan-petempatan tamadun awal manusia. Kawasan yang mempunyai kesuburan tanah menjadi tarikan manusia menetap di sesebuah kawasan. Tanah yang subur dan kemudahan sumber air mewujudkan kegiatan pertanian dan penternakan. Lembah sungai seperti Tigris dan Euphrates merupakan tanah lanar yang sangat subur dan sesuai untuk pertanian. Di China Lembah Hwang Ho terdiri daripada tanah loes yang subur.
- d. Kegiatan pertanian : Kegiatan pertanian sebagai kegiatan ekonomi utama manusia dalam tamadun awal. Kegiatan pertanian dijalankan untuk menampung keperluan makanan seperti tanaman padi, gandum, barli dan lain-lain lagi. Disamping itu kegiatan penternakan dan menangkap ikan turut dijalankan. Kedudukan sungai yang berhampiran menyediakan sumber air dan sistem pengairan kepada kegiatan pertanian.

SULIT

- e. Migrasi dan Pertambahan penduduk : Berlakunya proses migrasi ke kawasan-kawasan petempatan-petempatan baru kerana kesesuaian iklim , bentuk muka bumi dan kesuburan tanah. Faktor tarikan dari petempatan-petempatan ini menyebabkan pertambahan penduduk dari masa ke semasa. Perkembangan petempatan kekal membawa kepada pembentukan perkampungan dan perbandaran dalam tamadun awal.
- f. Kewujudan organisasi sosial : Kesan dari pertambahan penduduk telah membawa kepada perkembangan petempatan – petempatan kekal. Perkembangan perkampungan dan perbandaran telah membawa kewujudan organisasi sosial masyarakat. Pembahagian struktur sosial masyarakat berlaku kerana pengkhususan kerja untuk meningkatkan produktiviti.
- g. Kewujudan organisasi politik : Perkembangan dalam institusi sosial seperti institusi agama dan keluarga. Kewujudan institusi masyarakat ini melahirkan institusi negara. Kemunculan golongan pemerintah dalam petempatan tamadun awal seperti raja dan golongan pendeta.
- h. Keagamaan dan Kepercayaan terhadap kuasa ghaib : Masyarakat tamadun awal percaya bahawa kuasa-kuasa ghaib mempengaruhi kehidupan mereka. Mereka mengambil kira kepercayaan-kepercayaan ini dalam membina petempatan. Dalam membangunkan petempatan-petempatan mereka membina rumah-rumah ibadat di kawasan yang lebih selamat. Mereka mengharapkan petempatan-petempatan mereka dirahmati oleh kuasa-kuasa ghaib.
- i. Perkembangan perdagangan dan pertembungan budaya: Kesan dari perkembangan kegiatan pertanian berlaku lebih pengeluaran hasil pertanian. Hasil-hasil pertanian mula di perdagangkan ke tempat-tempat lain. Perkembangan aktiviti perdagangan membawa kepada perkembangan petempatan-petempatan tamadun awal.
- j. Penguasaan kemahiran dan teknologi : Perkembangan kemahiran dalam menenun kain, membuat tembikar, membina rumah, pembuatan alat-alat logam dan penciptaan baru membawa kewujudan petempatan-petempatan dalam tamadun awal.

3. Penutup (1 m)

Perkembangan petempatan-petempatan tamadun awal manusia membawa pertumbuhan bandar-bandar. Kemunculan bandar Mohenjo Daro dan Harappa di lembah Indus, Anyang, Loyang dan Cheng Chow di Lembah Sungai Kuning serta Bandar Thebes dan Memphis di Mesir

.....

SULIT

2. Dengan merujuk kepada tamadun Mesopotamia, Mesir dan China bincangkan peranan raja dalam sistem pemerintahan tamadun-tamadun awal .

Jawapan:

Pendahuluan (3m)

- a. Sistem pemerintahan beraja merupakan suatu sistem pemerintahan yang memberikan kuasa mutlak kepada seorang raja yang selalunya mendakwa mereka menaiki takhta kerana hak turun temurun iaitu sudah menjadi hak semula jadi mereka dan tidak tertakluk kepada kuasa parlimen atau institusi tertentu.
- b. Raja-raja dianggap sebagai jelmaan tuhan @ bayangan tuhan. Mereka menggunakan ketenteraan, agama dan mitos-mitos tertentu sebagai langkah untuk mengukuhkan kedudukan mereka.
- c. Sejarah pemerintahan beraja:
 - a. Mesir: Apabila Raja Menes menyatukan Mesir Utara dan selatan telah mengisytiharkan dirinya sebagai raja. Raja-raja Mesir menggunakan gelaran Firaun.
 - b. Mesopotamia: bermula pada 300M apabila raja-raja mengetuai negara kota seperti Ur, Urech, Kish dll.
 - c. China: Dimulakan oleh Shih Huang Ti (Dinasti Chin) dengan menggunakan gelaran Maharaja atau Huang Ti.

Isi-isi Jawapan (20m = 4 isi x 5m)

1. Pentadbiran

- a. Raja adalah ketua negara dan ketua pentadbir. Raja merupakan sumber autoriti dan mempunyai kuasa mutlak dalam pentadbiran. Raja dipercayai mendapat mandat dari syurga atau tuhan untuk memerintah sesebuah negara.
- b. Raja akan melantik pegawai-pegawai dari kalangan anggota kerabat diraja dan diberi mandat untuk menjalankan tugas-tugas rasmi dalam bidang keagamaan, melayan aduan-aduan rakyat, meraikan duta-duta asing dan hal-hal pentadbiran.
- c. Contoh:
 - i. Di Mesopotamia : Setiap negara kota ditadbir oleh seorang raja berkuasa mutlak. Setiap negara kota dimiliki oleh dewa yang berlainan. Raja yang memerintah negara kota dianggap menjalankan tugas bagi pihak dewa. Raja dianggap sebagai wakil masyarakat yang dipilih oleh tuhan atau dewa untuk menjalankan pentadbiran negara.
 - ii. Di Mesir: Wazir dilantik oleh Firaun harus menghadap raja setiap hari untuk melaporkan tentang perkembangan negara.
 - iii. Di China: Maharaja melantik pegawai dan memberi mandat untuk menjalankan tugas.

2. Keagamaan

- a. Raja sebagai ketua agama, ketua paderi atau ketua rumah berhala.
- b. Raja bertanggungjawab dan terlibat dalam upacara keagamaan yang dikendalikan oleh golongan bangsawan atau pendeta.
- c. Contoh:
 - i. Mesopotamia: Antara tugas raja yang dianggap suci ialah membina, memelihara dan mengurus rumah ibadat. Raja mempunyai kuasa mutlak untuk melantik paderi-paderi dan aktif dalam perayaan-perayaan

SULIT

keagamaan. Raja-raja dan putera mereka turut terlibat dalam mengangkut batu-batu bagi membantu kerja-kerja pembinaan rumah ibadat.

- ii. Mesir: Kedudukan raja sangat berpengaruh. Firaun dianggap sebagai tuhan yang mempunyai kuasa luar biasa yang boleh mengharmonikan kehidupan manusia.

3. Kehakiman

a. Raja sebagai ketua hakim dan pengubal undang-undang. Raja berada di atas undang-undang dan tidak boleh didakwa kesalahannya.

b. Contoh:

- i. Mesir: Raja bertindak sebagai ketua hakim dan bertanggungjawab mewujudkan keamanan, keselamatan dan keadilan dalam negeri.
- ii. Mesopotamia: Raja sebagai ketua hakim dan bertanggungjawab mewujudkan keadilan. Raja memastikan golongan kaya dan berpengaruh tidak menindas rakyat miskin dan memastikan rakyat mendapat layanan yang sewajarnya.
- iii. China: Maharaja mempunyai kuasa tertinggi dan sumber segala undang-undang. Maharaja berkuasa mutlak dalam segala hal.

4. Ketenteraan

a. Raja sebagai ketua tentera atau ketua panglima tentera.

b. Contoh:

- i. Mesopotamia: Raja adalah ketua panglima tentera. Raja bertindak sebagai ketua tentera dalam peperangan. Selain itu raja bertindak sebagai perancang taktik dan strategi ketenteraan untuk menghadapi musuh dari luar atau peperangan sesama sendiri yang sering berlaku di antara sesama negara kota.
- ii. Mesir: Raja sebagai ketua panglima perang. Tetapi dalam suasana perang, tentera diketuai oleh wazir bagi pihak Firaun. Firaun digambarkan mempunyai ciri-ciri kepahlawanan, kemahiran dan kekuatan luar biasa dalam medan peperangan dan perancang strategi untuk menewaskan musuh.

Penutup (2m)

- 1. Tidak wujud pengagihan kuasa dari segi perundangan, eksekutif dan kehakiman dalam tamadun awal. Raja dilihat berperanan dalam semua bidang.
- 2. Apa sahaja yang berkaitan.

.....

SULIT

3. Bincangkan ide-idea Kautilya dalam karyanya *Arthashastra* untuk membantu pemerintah mengukuhkan kuasa.

Pengenalan (3m)

1. Kautilya merupakan seorang Brahmin dan menjadi Ketua Menteri kepada Chandragupta Maurya. Kautilya hidup pada masa dinasti awal empayar Maurya di utara India. Beliau dikenali juga sebagai Chanakya atau Vishnugupta.
2. Karya Arthashastra (Science of Gain of Power) yang dihasilkan pada abad ke-3 masihi merupakan buku tentang hal ehwal ketatanegaraan, pentadbiran diplomasi, peperangan dan ekonomi.
3. Melalui karya ini, Kautilya telah mengemukakan pelbagai strategi dan kaedah dalam peperangan untuk membantu pemerintah mengukuhkan kuasa.

Isi- Isi (21 Markah- 7X 3 Markah)

1. Menggariskan Peranan Pemerintah dan Hubungan Diplomatik
Beliau menggariskan enam pekara untuk berbaik-baik dengan negara luar.
 - (i) Mementingkan keamanan iaitu ' **saman** ' iaitu perdamaian dengan musuh yang lemah.
 - (ii) Persediaan untuk berperang
 - (iii) Membiarkan musuh melancarkan serangan pertama.
 - (iv) Bersekutu dengan musuh.
 - (v) Mengamalkan dasar duaan iaitu bersekutu dengan musuh dan melancarkan serangan ke atas musuh lain.
 - (vi) Melancarkan serangan pertama.
2. Menggariskan Peranan Pemerintah Untuk Mencapai Kemenangan
 - (i) Memujuk musuh dengan rasuah atau '**dana**' dan perbincangan.
 - (ii) Mencetuskan persengketaan
 - (iii) Menanamkan benih-benih permusuhan
 - (iv) Melancarkan peperangan terakhir jika semua strategi dirancang gagal.
3. Mempengaruhi Tindakan Raja Hindu dan Pahlawan Marathas
Beliau menjadikan peperangan ada kaitan dengan unsur spiritual dan upacara keagamaan Hindu iaitu mengelakkan 'kelahiran semula' jika beroleh kemenangan melalui peperangan seperti yang disarankan oleh agama Hindu.
4. Peranan/ Dasar Pemerintah Terhadap Musuh
Karyanya menyarankan seorang pemerintah atau putera yang ingin berjaya mesti mengetahui kekuatan tenteranya dan kelemahan tentera musuh sebelum melancarkan kempen ketenteraan. Pemerintah dibantu oleh pahlawan-pahlawan dan pasukan tentera terlatih.
5. Peranan Pemerintah Menjamin Kesejahteraan Rakyat
Pemerintah perlu mengelakkan peperangan untuk memastikan keselamatan rakyat. Pemerintah mesti mengambil kesempatan melakukan kemahiran tipu muslihat serta berkomplot menggunakan perisik, pelacur, merasuah pegawai, merasuah tukang masak dan seluruh ahli istana daripada menggunakan kegagahan dan kehandalan.

SULIT

6. Pemerintah menjalankan Dasar Kekejaman dan Bijak
Untuk menghadapi musuh, '**bheda**' digunakan iaitu cara melaga-lagakan musuh dengan menimbulkan isu-isu sensitif. Raja menunjukkan kekejaman untuk menakutkan tentera musuh serta menggunakan kekerasan konsep '**danda**' iaitu kayu atau besi yang kuat ke atas orang jahat dan musuh.
7. Kautilya memperkenalkan teori '**mandala**'. Menurutnya pemerintah mesti bijak mencari kawan dan berbaik-baik dengan musuh negara yang akan diperangi. Apabila peperangan berlaku, sudah tentu musuh tersebut akan membantu kita.
8. Arthashastra mencadangkan supaya pemerintah mewujudkan badan pengintipan untuk mencari rahsia dan menyampaikan maklumat kepada pemerintah.
9. Melalui karya ini, Kautilya telah menyatakan bahawa dunia ini penuh dengan kejahatan. Jadi, orang yang kuat tidak pernah berasa belas kasihan kepada yang lemah. Oleh itu raja yang bersikap jujur dan bersimpati kepada musuh dianggap bodoh kerana raja berkenaan akan mudah dikalahkan oleh musuh-musuhnya.
10. Kautilya juga menyarankan supaya seseorang raja tidak boleh mempercayai sesiapa termasuk anak dan isteri kerana mereka boleh menjadi ejen kepada pihak musuh yang boleh menjatuhkan kuasa raja. Makanan raja hendaklah diuji terlebih dahulu kerana bimbang makanan itu mengandungi racun.

Kesimpulan (1 Markah)

- Apa sahaja yang berkaitan

SULIT

4. Berikan maksud kapitalisme dan jelaskan faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan sistem kapitalisme di Eropah sehingga abad ke- 18 Masihi .

Jawapan

Pendahuluan : (3 markah)

1. Perubahan dari segi politik, ekonomi dan sosial di Eropah Barat berlaku pada Zaman Kemuncak Pertengahan (1050-1270).
2. Perubahan ini menjadi asas kepada Zaman Eropah Moden dan munculnya Gerakan Renaissance di Itali.
3. Perkembangan ekonomi di Zaman Pertengahan Akhir ini munculnya bandar-bandar perdagangan seperti Florence , Milan dan Venice .
4. Selain itu pertambahan kekayaan dalam masyarakat dan berlaku asimilasi pelbagai budaya dan tradisi.
5. Muncul juga Kesatuan Dagang dan Kesatuan Tukang yang menjaga kepentingan pedagang dan petukang.

Isi-isi Jawapan:

1. Maksud sistem ekonomi Kapitalisme : (3 markah)

- Sistem yang menggalakkan pengumpulan modal, kebebasan ekonomi, hak milik persendirian, kebebasan pasaran dan perniagaan. Tujuan utama adalah untuk mengaut keuntungan.
- Sistem ini juga membolehkan individu atau kumpulan berusaha menambahkan kekayaan dengan melaburkan semua keuntungan.
- Ia juga melibatkan sistem pembayaran upah kepada buruh berdasarkan prinsip persaingan perniagaan untuk mendapatkan peluang pekerjaan.
- Sistem pengeluaran, pengedaran dan pertukaran secara besar-besaran yang bercorak baru.

2. Faktor perkembangan kapitalisme di Eropah : (6 isi x 3 markah : max 18 markah)

a. Gerakan Renaissance dan Reformasi (3 markah)

- Gerakan Renaissance pada abad ke 14 dan reformasi telah membantu perkembangan kapitalisme.
- Perkembangan aliran pemikiran individualisme, humanisme, sekularisme dan rasionalisme telah melemahkan peranan agama dalam bidang ekonomi dan mewujudkan masyarakat yang mengutamakan kebebasan dan kekayaan serta kebendaan.
- Kewujudan Bandar Milan, Venice dan Florence telah mendorong kemunculan ekonomi kapitalisme melalui pinjaman, pelaburan dan pertukaran wang.

b. Fahaman Calvinisme (3 markah)

- John Calvin dalam gerakan reformasi telah mendorong kepada perkembangan ekonomi kapitalisme.
- Ajaran Calvin telah membenarkan amalan riba dengan tujuan menggalakkan masyarakat bekerja keras.

SULIT

- Fahaman ini menjadikan negara mengamalkan Protestant mengeneppikan *Canon Law* dan membolehkan pedagang membebaskan diri dari kawalan paderi dan peraturan lama dalam agama Kristian.

c. Kemunculan Negara Bangsa (3 markah)

- Raja-raja Negara bangsa adalah pengerak kepada sistem kapitalisme.
- Setiap pegara bangsa saling berlumba-lumba untuk mengumpulkan kekayaan.
- Untuk itu penjelajahan dan penerokaan ke kawasan baru amat digalakkan.
- Galakkan daripada Putera Henry dari Portugal dan Raja Ferdinand dan Sepanyol menyebabkan aktiviti penjelajahan dan penerokaan berkembang di Eropah.

d. Dasar Merkantilisme (3 markah)

- Berlakunya revolusi perdagangan melalui campurtangan kerajaan negara bangsa pada abad ke 16 dan 17 telah mengalakkan perkembangan kekayaan dalam Negara.
- Kerajaan berusaha untuk mewujudkan aktiviti pertanian dan perindustrian secara besar-besaran.
- Untuk itu dasar untuk melindungi pelabur dan pedagang tempatan telah diadakan.
- Ratu Elizabeth (1558 – 1603) telah perkenalkan Akta Perantis 1563, Undang-undang Kemiskinan 1600 dan Akta Perkapalan 1650.

e. Dasar Kolonialisme (3 markah)

- Perluasan dasar merkantilisme telah membawa kepada pembukaan koloni ke atas kawasan di Timur dan Amerika Latin.
- Keadaan ini telah memperluaskan lagi ekonomi kapitalisme di Eropah.
- Kekayaan di kawasan koloni ini telah mengalir ke Eropah.

f. Perkembangan Institusi Kewangan (3 markah)

- Kemunculan industri perbankan telah berkembang di Eropah dan amalan riba mula diterima oleh masyarakat.
- Institusi kewangan memberikan kemudahan pinjaman dan kredit (pembayaran melalui cek) membolehkan pedagang dan pelabur membuat pelaburan modal.
- Kesannya, muncul golongan kapitalisme yang terdiri daripada pemilik kilang, tuan tanah dan pengusaha lombong.
- Sistem bank menguntungkan aktiviti melalui pinjaman, pelaburan dan pertukaran wang. Ini mengalakkan perkembangan kapitalisme di Eropah.
- Contohnya keluarga Fuggers, Ausgurg dan Medici merupakan yang kaya dan terkenal dalam perniagaan institusi kewangan di Eropah.

g. Perubahan dalam Organisasi Perniagaan (3 markah)

- Dalam Zaman Pertengahan, perdagangan dan pengeluaran dimiliki oleh individu dan keluarga.
- Kesatuan Tukang dan Kesatuan Dagang terikat dengan peraturan adat yang lebih mementingkan kebajikan sosial.
- Pada abad ke 16, mula berlaku perubahan dalam organisasi perniagaan dengan menubuhkan Syarikat Perniagaan Regulated dan Joint Stock.
- Ahli dalam Perniagaan Regulated mengeluarkan modal dan menanggung kerugian.
- Joint Stock ialah syarikat yang modalnya disumbangkan oleh pemegang saham awam dan diuruskan oleh badan pengarah.
- Syarikat England (1576) merupakan Syarikat Regulated yang berdagang di Laut Baltik.

SULIT

- Syarikat Hindia Timur Inggeris (1660) merupakan Syarikat Joint Stock yang terkenal.
- Melalui modal yang besar, membolehkan syarikat menyediakan kemudahan perdagangan dan mendapatkan perlindungan ketenteraan.
- Adanya organisasi tersebut membuatkan sistem kapitalisme kukuh di Eropah.

Penutup (1 markah)

- Sejak berlakunya Revolusi Perindustrian di Eropah, kegiatan ekonomi kapitalisme kian pesat. Negara-negara di Eropah menjadi bertambah kaya dan menguasai ekonomi dunia.

.....

5. Jelaskan peranan sistem tulisan dalam masyarakat tamadun awal manusia.

Pengenalan (4 Markah)

1. Ahli arkeologi membuktikan kewujudan tamadun awal melalui penemuan sistem tulisan yang terdapat pada batu bersurat, , tugu, istana kuil, surat perjanjian dan sebagainya.
2. Menurut Darcy Riberio sistem tulisan ialah lambang dan manifestasi sesebuah bangsa.
3. Antara sistem tulisan awal iaitu heroglif (Mesir) ideogram (Sumeria) piktograf (China) dan Phoenicia (Yunani)
4. Bentuk tulisan awal berbentuk lambang dan simbol menjadi maksud tertentu.
5. Latar belakang tamadun awal.

Isi- Isi Jawapan (5 X 4 Markah)

1. Sistem Tulisan sebagai Catatan Pensejarahan
Ahli arkeologi dapat mengkaji sejarah perkembangan tamadun Mesir melalui penemuan batu bersurat yang dikenali sebagai 'Roseta Inskription' .Tulisan ini terdapat pada dinding-dinding piramid. Melalui tulisan Rosetanini dapat digambarkan corak kegiatan ekonomi dan pertanian masyarakat Mesir purba.
2. Tulisan untuk Merekod Upacara Keagamaan
Penemuan rumah berhala 'ziggurat' di Sumeria iaitu bangunan berbentuk piramid tujuh tingkat. Catatan pada dinding kuil dan ziggurat membuktikan telah wujudnya amalan keagamaan dalam masyarakat tamadun awal. Di Mesir penemuan kompleks kuil di Karnak dan Memphis ada mencatatkan tentang gambar-gambar dan simbol menggambarkan keagungan dan kebesaran firaun Kuffu yang membinanya. Tulisan pada dinding kuil membuktikan berlakunya upacara pemujaan terhadap Tuhan firaun atau Amon-Re di Mesir.
3. Tulisan untuk Merekod Sistem Undang-Undang
Kod Hammurabi mengandungi 282 pasal meliputi pekara seperti perkahwinan, perdagangan, pertanian, pewarisan harta dan hukuman terhadap kesalahan jenayah yang dilakukan oleh masyarakat di Mesopotamia. Undang-undang Hammurabi menetapkan hukuman berat kepada sesiapa yang cuba mengubah mana-mana bahagian dalam kod tersebut.Golongan hamba diberikan hak serta dilindungi . Kod

SULIT

Hammurabi juga mencatatkan hak pengguna daripada ditipu oleh peniaga. Hukuman bagi setiap kesalahan jenayah amat berat dan rakyat perlu membayar denda yang berbeza mengikut status sosial. Hukuman lebih ringan jika kesalahan dilakukan oleh golongan atasan atau bangsawan dan sebaliknya.

4. Tulisan untuk Merekod Perkembangan Ilmu Pendidikan – Intelektual

Catatan pada buku rekod-rekod perubatan di Mesopotamia mengandungi 600 koleksi ubat-ubat dan merekod perkembangan bidang perubatan yang dikawal oleh kerajaan . Doktor diberikan penghormatan tinggi dan dilantik untuk berhidmat di istana. Kod Hammurabi mengandungi sembilan fasal/kod berkaitan ilmu pembedahan. Dalam ilmu matematik sistem angka diperkenalkan. Terdapat dua sistem angka iaitu perpuluhan dan perenam puluhan. Dua teks ilmu matematik telah dihasilkan iaitu ‘ table text’ dan ‘problem text’ oleh masyarakat di Mesopotamia.

5. Tulisan untuk Merekod Karya Kesusasteraan/ Kesenian

Epik Gilgamesh merupakan karya puisi yang panjang menyentuh tentang kepahlawan dan kehebatan putera-putera diraja dan corak hidup orang Sumeria. Pada zaman Sumeria epik yang terkenal iaitu Legenda Etana dan Legenda Adapa. Karya yang dihasilkan pada zaman Babylon lama iaitu ‘The Poor Man of Nippur, The Lord of Wisdom dan Pessimistic Dialouge Between Master and Servant’. Pada abad ke- 3 Sm tulisan cunieforn menceritakan mitos tentang tuhan Enlil dan Ninhursag dihasilkan.

6. Tulisan untuk Merekod Urusan Pentadbiran

Catatan rekod-rekod pentadbiran zaman dinasti-dinasti awal di China. Penemuan kubur besar besar ‘ Teracota’ mencatatkan tentang keagungan pemerintahan Shih Huang Ti. Di India terdapat catatan undang-undang dan tanggungjawab pemerintahan yang di pahat pada tiang-tiang batu Asoka untuk dipamerkan di khalayak ramai.

7. Tulisan untuk Merekod Urusan Ekonomi Perdagangan

Di Mesir rumah-rumah berhala mempunyai buku-buku rekod dan catatan tentang semua urusan jual beli, menyimpan buku-buku kredit (hutang) dan merekod barang-barang pesanan.

8. Tulisan untuk Ketenteraan

Melalui teks-teks ‘Taittiriya Upanishad ‘ dan kitab-kitab rig-veda mencatatkan bahawa raja dianggap sebagai pemimpin tentera yang berperanan melindungi rakyat.

Kesimpulan (1m)

- Apa sahaja yang berkaitan

.....

6. Terangkan sumbangan Confucius dalam perkembangan tamadun China.

1. Pendahuluan (3m)

- a. Perkembangan dan kegemilangan aliran falsafah di China berlaku pada zaman pemerintahan Chou Timur (770-221 S.M.) dan mencapai tahap kemuncak kegemilangan pada zaman Warring States (zaman negeri-negeri berperang).
- b. Keadaan politik yang tidak stabil diikuti oleh keadaan sosial dan ekonomi yang terjejas menyebabkan kemunculan ramai golongan intelek dan pemikir yang mahu membawa pemulihan berdasarkan prinsip moral.
- c. Confucius atau Kung Fu-Tze ialah ahli falsafah Cina yang masyhur. Beliau dilahirkan pada 551 SM dalam sebuah keluarga bangsawan di negeri Lu. Selepas kematian ayahnya, Confucius terpaksa menyara diri dengan membuat kerja buruh. Seterusnya Confucius menjadi guru dan mengajar tentang adat dan tradisi Cina. Confucius pernah memegang jawatan Menteri Kehakiman dan Perdana Menteri di Lu. Setelah meletak jawatan, Confucius mengembara ke seluruh China sambil mengajar dan menghadap pembesar-pembesar feudal serta berusaha mengubah sikap mereka tetapi gagal. Confucius kembali ke Lu dan menjadi guru. Akhirnya dia meninggal dunia pada tahun 479 SM.
- d. Confucius berjaya kerana apa yang diajarnya bukanlah sesuatu yang luar biasa. Nilai-nilai yang didukung oleh Confucius seperti kebajikan dan kasih sayang merupakan prinsip asas yang mengikat hubungan antara manusia.
- e. Ajaran Confucius boleh diperoleh daripada dua buah buku, pertamanya buku Klasik Confucius dan sebuah lagi yang disusun oleh pengikut-pengikutnya yang dinamakan Lu Yu atau Analekta.

2. Isi-isi Jawapan (7 isi x 3m)

- a. **Sumbangan dalam pembentukan moraliti :** Ajaran Confucius bukan agama tetapi merupakan falsafah hidup. Confucius ialah satu tatasusila yang akan membawa keamanan dan peraturan di negara China. Manusia mesti hidup dengan suci kerana jika setiap orang itu baik dan jujur, negara akan menjadi aman dan maju. Oleh sebab itu Confucius menasihati pembesar-pembesar feudal menamatkan peperangan antara satu sama lain. Confucius berpendapat jika semua orang berkelakuan baik dan mengikut peraturan maka keadaan negara akan aman.
- b. **Sumbangan dalam politik dan pentadbiran:** Penekanan ajaran Confucius kepada persoalan moraliti menyediakan asas yang kukuh bagi perjalanan hal ehwal kerajaan dan dalam pembentukan masyarakat China yang teratur. Ia muncul sebagai satu falsafah politik yang diterima oleh mereka yang menganut agama Buddha dan Taoisme.
 - i. Dari segi politik, ahli-ahli falsafah China seperti Confucius sebenarnya tidak berminat dalam mengasaskan masyarakat yang sama rata atau individu yang bebas. Jika Humanisme Renaissance berusaha untuk membebaskan individu

daripada sistem feudalisme tetapi ahli falsafah Confucius pula berusaha untuk memperkukuhkan semula feudalism dan autotarian.

- ii. Dari segi politik, Confucius menggalakkan pemusatan kuasa dan pembahagian kuasa yang adil dan saksama.
- iii. Untuk menghasilkan satu kerajaan yang aman dan makmur, pemerintah mesti menunjukkan budi pekerti yang baik supaya dapat dicontohi oleh rakyat. Tambahan pula kedudukan raja adalah disifatkan seolah-olah sebagai utusan dari langit dan bumi. Istana pula tempat tersimpannya kuasa-kuasa ghaib. Sekiranya raja dapat mengikuti arahan ini, maka amanlah dunia ini.
- iv. Menurut Confucius, negeri yang unggul ialah negeri yang dipimpin secara tegas, tetapi tidak kejam. Pegawai-pegawai kerajaan harus bekerjasama dengan rakyat untuk menjamin kemakmuran. Konsep ini dikenali sebagai Jen dan Yi yang bermaksud kemanusiaan dan kewajipan.
- v. Hubungan raja dengan pegawai iaitu raja mesti bersifat perikemanusiaan dan pegawai harus taat.

c. Sumbangan dalam perundangan: Mereka yang tidak mematuhi peraturan hidup seperti yang dikehendaki oleh masyarakat akan dihukum melalui kaedah perundangan dan sosial. Satu perkara yang ironik ialah di sebalik kepercayaan bersifat humanistik ahli-ahli falsafah tidak menghiraukan hukuman yang ternyata tidak berperikemanusiaan. Contoh hukuman yang kejam seperti menyelar memotong kaki dan mengembiri.

d. Sumbangan dalam hubungan manusia dan alam : Ajaran Confucius adalah mengenai keperluan menjaga keharmonian manusia dengan alam dan masyarakat. Manusia mesti mengikut _ perubahan alam. Keharmonian masyarakat ialah peraturan yang harus diikuti oleh setiap rakyat dan juga pemerintah dalam mewujudkan satu keadaan yang sesuai bagi kehidupan.

e. Sumbangan dalam hubungan individu dan keluarga : Bagi masyarakat China kebajikan kolektif satu-satu kumpulan adalah lebih penting daripada seorang individu. Bagi mereka manusia adalah makhluk yang bersosialisasi. Hubungannya dengan orang lain adalah lebih penting daripada dirinya sendiri. Aspek yang ditekankan dalam hubungan kekeluargaan ini ialah:

- Hubungan bapa dengan anak iaitu bapa harus berhati baik dan anak harus berkewajipan terhadap orang tua.
- Hubungan suami isteri di mana suami harus jujur terhadap isteri dan isteri harus tunduk dan dengar serta patuh.
- Hubungan saudara tua dengan saudara muda iaitu yang tua harus bermurah hati dan membantu dan yang muda harus tunduk dan hormat.

f. Sumbangan dalam hubungan individu dan masyarakat : Doktrin Confucius berpusat kepada kehidupan yang teratur dan penyusunan masyarakat yang baik. Confucius berpendapat bahawa kepincangan dalam masyarakat disebabkan oleh keadaan moral yang rendah. Confucius juga berpegang kepada konsep Ten atau syurga dan ajaran-

SULIT

ajarannya menyentuh sejarah dan kebudayaan masyarakat silam, kekeluargaan dan kehidupan sosial.

Oleh kerana manusia tidak dapat hidup berseorangan atau terasing daripada masyarakat maka diajar cara-cara bagaimana mereka harus bertindak dalam masyarakat. Beliau menggalakkan masyarakat mengadakan upacara adat istiadat (Li). Beliau juga mementingkan muzik kerana pada pandangannya seni muzik dapat mengajar atau mendorong seorang itu hidup berbaik antara satu sama lain.

- g. Sumbangan dalam perkembangan intelektual / ilmu pengetahuan :** Penulisan-penulisan utama Confucius ditulis sebelum abad ke-2 S.M. apabila Confucius diisytiharkan sebagai ahli falsafah negara. Karya-karya yang mengandungi ajaran Confucius dikenali sebagai Ching atau Klasik. Klasik bermaksud hasil karya yang terbaik dan suci. Selain itu, terdapat juga karya-karya yang disusun oleh pengikutnya, iaitu Lu Yu atau Analekta.

Lima klasik utama yang dihasilkan oleh Confucius ialah:

- Book of Odes atau Shih Ching: Ia mengandungi 3000 sajak, 305 sajak adalah lagu lagu rakyat dan selebihnya sajak-sajak politik serta nyanyian ritual yang diselitkan unsur-unsur moral.
- Book of History pula mengandungi dokumen - dokumen sejarah dan separa sejarah yang bermula dari zaman awal Dinasti Chou.
- Book of Changes atau Yi Ching adalah karya klasik yang berkaitan dengan kuasa luar biasa.
- Book of Rites pula dianggap sebagai teks asas Confucius.
- Spring and Autumn Annals adalah mengenai sejarah negeri Lu

- h. Sumbangan dalam keagamaan**

Confucius menekankan bahawa untuk mencapai keharmonian, sifat-sifat seperti saling menghormati, jujur dan amanah, berbudi pekerti baik, berhati mulia dan bertanggungjawab harus dipraktikkan dalam kehidupan. Seorang akan mencapai tahap budiman atau Chun Tze sekiranya ia menepati lima syarat, iaitu kejujuran, kebenaran, taat setia, mementingkan orang lain dan berperikemanusiaan.

Beliau menggalakkan pemujaan nenek moyang untuk menghidupkan semula kenangan terhadap nilai- nilai purba dan tradisi lampau. Di bawah pentadbiran ahli-ahli akademik Confucius, penyembahan imperial atau upacara pengorbanan imperial telah menjadi satu bentuk cult (state cult).

Selepas kematiannya,. Confucianisme dianggap sebagai satu agama. Kuil-kuil Confucius dibina di tempat asal, di ibu kota dan di semua kawasan pentadbiran. Confucius mendapat gelaran sebagai Pemerintah Tertinggi kemudian sebagai raja dan keramat.

3. Penutup (3m)

- Tegasnya , Confucius menekankan bahawa dalam setiap hubungan perlu dititikberatkan kejujuran dan kebaikan dan sekiranya keadaan ini tidak dipatuhi nescaya keadaan kucar-kacir akan wujud.
- Penekanan aspek moraliti melahirkan masyarakat China yang teratur dan mengukuhkan perjalanan kerajaan.

.....

7. Nilaiikan sumbangan Cheng Ho dalam perkembangan tamadun manusia.

1. Pendahuluan (3 m)

- b. Latar belakang Cheng Ho: Cheng Ho adalah seorang Muslim yang menjadi orang kepercayaan Maharaja Yung Lo dari China (berkuasa tahun 1403-1424) dari Dinasti Ming. Lahir sekitar tahun 1370 Masehi dan meninggal pada tahun 1432. Cheng Ho yang nama asalnya adalah Ma He – dalam Bahasa Arab adalah Muhammad Siddiq – lahir dari keluarga Cina Muslim kebanyakan di Provinsi Yunnan.
- c. Ketika pasukan Ming menakluki Yunnan, Cheng Ho ditangkap dan kemudian dikembirikan untuk menjadi sida-sida raja (hamba raja).
- d. Pada Zaman Dinsti Ming, Cheng Ho ditugaskan sebagai Laksamana dengan misinya melakukan pelayaran ke negara di Selatan dan Barat.
- e. Cheng Ho melakukan tujuh ekspedisi pelayaran ke berbagai daerah di Asia dan Afrika, antara lain: Vietnam, Taiwan, Melaka, Sumatera, Jawa, Sri Lanka, India bahagian Selatan, Persia, Teluk Persia, Arab, Laut Merah, ke utara hingga Mesir, Afrika, ke selatan hingga Selat Mozambique

2. Isi-isi Jawapan (5 isi x 4 m = 20 m)

a. Sumbangan dalam pelayaran

- Peta-peta pelayaran Cheng Ho sangat berguna untuk pelayaran ke negara-negara Asia dan Afrika.
- Peta pelayaran itu 20 halaman dan mengandungi gambar-gambar laluan pelayaran Cheng Ho yang bertolak dari Nanjing ke pelbagai kawasan, pulau dan kota di negara-negara Asia dan Afrika.
- Peta tersebut bukan sahaja merupakan peta dunia yang paling terperinci tentang Asia dan Afrika di China pada abad ke-15, tetapi juga peta pelayaran ke Asia dan Afrika yang paling awal terdapat di China. Sebagaimana diketahui Dao Yi Zhi Lue (Catatan tentang Pulau-pulau di Luar Negeri) yang ditulis oleh Wang Dayuan pada tahun 1349 telah menyimpulkan pengetahuan orang China tentang negara-negara seberang laut sejak Dinasti Tang (608-907) dan Dinasti Song (960-1279). Namun jumlah nama tempat asing yang tercatat dalam Dao Yi Zhi Lue tersebut hanya 1/3 daripada yang ada pada Peta Pelayaran Cheng Ho.

b. Sumbangan dalam perdagangan antarabangsa

SULIT

- Menurut catatan buku sejarah China, barang yang dibawa ke Samudera Barat oleh armada Cheng Ho termasuk kain sutera, tembikar, emas, perak, gangsa, alatan besi untuk kegunaan sembahyang atau memasak, beras, kapur barus dan buku. Seinggakan sebahagian genting istana negara asing juga merupakan barangan yang dibawa oleh Cheng Ho.
 - Barangan yang dibawa pulang oleh armada Cheng Ho ke China termasuk mutiara, intan, gading, singa, zirafah, rempah ratus seperti cengkik, kemenyan, tanduk-tanduk haiwan liar Afrika, wangi-wangian, pelbagai jenis kain dan kayu.
 - Di samping itu, pada zaman Dinasti Ming terdapat banyak rempah ratus yang dibawa dari Melaka, Johor dan Pahang ke China.
- c. Sumbangan dalam penyebaran Islam
- Dari tahun 1405 ke 1433, selama tujuh ekspedisinya, banyak catatan dan cerita di negara-negara Asia Tenggara yang menggambarkan secara jelas bahwa Cheng Ho memang membantu penyebaran Islam di sana.
 - Robert Morrison (1782-1843), seorang misionaris Inggeris, mengatakan, “Di antara pulau-pulau di Asia Tenggara, Jawa adalah yang paling kaya. Di tahun 1405, seorang penyiar Islam (Cheng Ho) memimpin tentaranya untuk memaksa penduduk setempat untuk meninggalkan pemujaan berhala dan masuk ke dalam agama Islam.” Ini menjelaskan bahawa pada awal abad 15, Cheng Ho benar-benar menyebarkan Islam di Jawa. Bagaimanapun kenyataan bahawa Cheng Ho menggunakan kekerasan untuk mengubah kepercayaan masyarakat tempatan kepada Islam adalah menyalahi kebenaran sejarah kerana sehingga abad ini tidak ada artikel ataupun buku yang mencatat kejadian kekerasan seperti yang dikatakan oleh Robert Morrison.
- d. Sumbangan dalam membentuk hubungan diplomatik
- Laksamana Cheng Ho telah meletakkan landasan sejarah dalam hubungan diplomatik China-Nusantara. Banyak contoh yang membuktikan bahwa kedatangan Laksamana Cheng Ho dengan armadanya semata-mata untuk menyebarkan benih persahabatan, Buktinya, setelah kedatangan Cheng Ho Melaka, hubungan diplomatik dan berbalas utusan hadiah antara Melaka – China telah diwujudkan.
- e. Sumbangan dalam mengujudkan keamanan
- Memberantas lanun di Laut China Selatan demi melancarkan hubungan dan perniagaan antara China dengan Nusantara. Pada masa awal Dinasti Ming, Laut China Selatan tidak aman, sering diganggu oleh lanun. Di antaranya yang paling ganas adalah lanun-lanun yang bermarkas di Palembang pimpinan Chen Zu Yi. Pada tahun 1407 armada Laksamana Cheng He berhasil membasminya.
- f. Memberikan jaminan keselamatan
- Membina perdamaian dan keadilan untuk menstabilkan situasi di kawasan Asia Tenggara. Maharaja Ming menganggap dirinya sebagai “Maharaja Sejagat” yang berkewajiban membela perdamaian dan keadilan antarbangsa, maka ketika terjadi persengketaan, negara yang berkaitan lebih suka mencari bantuan dari Maharaja Ming untuk mendamaikannya. China pun selalu membela perdamaian dan keadilan dengan berdiri di pihak yang lemah dan yang dcederakan, berusaha menyelesaikan persengketaan dengan jalan damai tanpa menggunakan kekerasan. Dalam hal ini Cheng Ho telah menggunakan kedudukannya untuk memberikan jaminan keselamatan kepada kerajaan-kerajaan kecil daripada pencerobohan kerajaan besar seperti jaminan keselamatan yang diterima Melaka.. Cheng Ho sendiri telah memberikan amaran kepada siam supaya tidak mengganggu kesultanan Melaka.

SULIT

Penutup: (2 m)

Apa sahaja yang berkaitan

.....

8. Buat perbandingan objektif dan pelaksanaan sistem pendidikan di Athens dan Sparta.

Pendahuluan (3m)

- a. Sejarah pendidikan telah bermula sejak kewujudan manusia, namun begitu bentuk dan corak sistem pendidikan berbeza mengikut masa, tempat dan adat resam sesuatu masyarakat.
- b. Mengikut International Dictionary of Education, pendidikan keseluruhannya ialah suatu proses yang membentuk abiliti dan sikap manusia, kedua ia adalah suatu proses sosial dalam mana seseorang individu memperoleh keyakinan dan pertumbuhan individu yang dijalankan melalui suatu keadaan yang dipilih dan dikawal serta diinstitusikan seperti sekolah atau kolej.
- c. Latarbelakang Negara kota Athens dan Sparta: Athens dan Sparta merupakan dua buah negara kota Yunani yang paling menonjol.
 - i. Latar belakang Pemerintahan Athens
 - Muncul antara 800 – 500SM.
 - Merupakan sebuah negara yang bercorak agraria atau mengutamakan pertanian.
 - Pada peringkat awal pemerintahan Athens menggunakan sistem monarki / beraja. Namun kekuasaan raja telah dirampas oleh golongan bangsawan (golongan Patrician) lalu menukarkan Athens sebagai negara demokrasi.
 - Dalam sistem pemerintahan demokrasi di Athens, pemerintahan dilakukan menerusi tiga institusi pemerintahan iaitu Assembly, Council, Magistrat dan Juri.
 - ii. Latar Belakang Sparta
 - Muncul antara 800-500SM
 - Mengamalkan pemerintahan yang bercirikan autoritarian dan menggunakan sistem monarki terhadap serta oligarki (pemerintahan oleh beberapa orang).
 - Institusi pemerintahannya ialah institusi raja (2 orang), Dewan Perhimpunan, Majlis Orang Tua dan Ephors.
- d. Sparta dan Athens mempunyai objektif pendidikan yang berbeza dari segi dasar, matlamat dan pelaksanaan.

SULIT

Isi-Isi Jawapan:

1. Objektif Pendidikan Athens dan Sprata (4 isi x 2mkh = 8 Markah)

Bil.	Athens	Sparta
1.	melahirkan warga negara yang berguna dan sempurna dari aspek mental dan fizikal	Melahirkan tentera yang kuat dan lasak untuk memenuhi kehendak negara-memperluaskan wilayah
2.	Mendidik kanak-kanak menjadi seorang yang berani, tunduk dan patuh kepada pemimpin dan negara	Mendidik kanak-kanak yang sihat sebagai kadet tentera. Kanak-kanak yang cacat dibiarkan mati atau diserahkan kepada Helots
3.	Mengasah bakat, potensi dan intelek kanak-kanak unuk berfikiran inovatif/ terbuka	Mengkongkong pemikiran rakyat dan tiada kebebasan intelek.
4.	Mengabdikan diri pada kerja-kerja kebajikan	30 tahun berkhidmat di sempadan selepas itu mendapat hak menjadi warga negara yang bebas
5.	Meningkatkan intelektual rakyat menjadi ahli falsafah dan sofis	Menjadi rakyat yang sanggup berkorban nyawa untuk negara

2. Pelaksanaan Pendidikan Athens dan Sprata

a. Pelaksanaan Pendidikan Athens (6m)

- i. Dalam memenuhi dasar pendidikan lama Athens, langkah – langkah telah dilaksanakan.
 - Kanak – kanak yang berusia antara 1 – 8 tahun akan diletakkan di bawah pengawasan ayah/keluarga, ketua kaum atau kuil. Kanak – kanak perempuan pula akan menimba ilmu dari ibu.
 - Kanak – kanak yang berusia antara 8 – 16 tahun ke sekolah yang pelbagai. Antaranya ialah sekolah Tatabahasa yang mengajar menulis, membaca dan mengira. Sekolah Muzik mengajar kecapi dan seruling, Sekolah Gimnastik yang menekankan sukan dan permainan. Matlamat akhir pendidikan adalah untuk membentuk individu yang seimbang dalam pertumbuhan minda, jiwa dan fizikal.
 - Mereka yang mencapai usia 16 – 18 tahun pula akan gimanasium dan di situ mereka diajar atlet dan aspek ketenteraan.
- ii. Pendidikan Athens Zaman Baru : Dasar pendidikan di Athens pada zaman Baru adalah untuk melahirkan masyarakat yang lebih terbuka dengan mengamalkan nilai individualisme. Untuk memenuhi falsafah hidup baru ini, pendidikan zaman baru berorganisasikan seperti di bawah ini;
 - Sekolah Rendah untuk kanak – kanak berumur 7 – 13 tahun dan penekanan kepada pembacaan, penulisan, arimetik dan nyanyian. Pengajarnya dikenali sebagai Sofis.

SULIT

- Sekolah Menengah atau Akademik : untuk kanak – kanak berusia 13 – 16 tahun dan penekanan kepada geometri, lukisan, muzik, tatabahasa dan retorik.
- Pendidikan Tinggi atau Universiti : selepas usia 16 tahun – subjek diubah dari ketenteraan kepada kesusasteraan. Tujuannya adalah untuk menyediakan individu kepada kerjaya awam.
 - Banyak sekolah falsafah dan retorik dibentuk.
 - Universiti Athens adalah gabungan sekolah falsafah.
 - Pendidikan tinggi berkembang ke Alexanderia dan kawasan – kawasan lain.
- Pendidikan Zaman Baru dipengaruhi oleh perubahan – perubahan yang berlaku dalam masyarakat selepas Perang Parsi. Masyarakatnya kini lebih terbuka, warganegara baru yang sukakan kesenangan dan mementingkan perkembangan individualisme.

b. Pelaksanaan Pendidikan Sparta (6 markah)

- i. Dalam memenuhi dasar pendidikan Sparta untuk membentuk disiplin individu dan ketahanan negara maka antara langkah yang telah dilaksanakan seperti anak – anak yang dilahirkan dalam keadaan cacat dan tidak berupaya dihapuskan. Kanak – kanak yang berusia 8 – 18 tahun dan belia dikehendaki tinggal di berek dan mereka dilatih untuk membina ketahanan diri. Latihan mereka termasuklah aktiviti sukan seperti berlari, melompat, melempar cakera, lembing, bergusti dan latihan-latihan tempur pada setiap hari. Apabila kanak – kanak mencapai usia 18 – 20 tahun, mereka diberikan latihan ketenteraan yang profesional. Dalam usia 20 – 30 tahun, mereka ditugaskan diperbatasan. Apabila mencapai usia 30 tahun, mereka dipaksa untuk berkahwin.
- ii. Mengamalkan dasar pendidikan khusus untuk wanita bagi melahirkan anak yang sihat seperti menyediakan tempat latihan fizikal. Bagaimanapun mereka tidak menjalani latihan diberek tentera, sebaliknya mendapat pendidikan di rumah daripada kaum ibu dan latihan yang mereka terima lebih kepada latihan sukan, menari dan menyanyi.

3. Penutup (2 M)

Dasar pendidikan Sparta dan Athens mempunyai perbezaan yang jelas. Pendidikan Sparta hanya bermotifkan untuk melahirkan individu yang lasak untuk berkhidmat dalam ketenteraan. Di Athens pula, ia terbahagi kepada dua zaman dengan dasar yang berbeza. Pada Zaman Lama, ia menekankan konsep yang memenuhi kehendak minda, jiwa dan fizikal. Kekuasaan intelektual (intellectual power) bukan objektif pendidikan zaman ini. Ia hanya menekankan kesederhanaan dalam segala hal dan matlamat akhir adalah untuk berkhidmat dalam negara kota. Pada Zaman Baru pula ia lebih bersifat universal dan menekankan penghargaan terhadap keindahan alam, kesenian dan sastera, perkembangan intelektual, pembentukan moral, kebebasan politik dan kemajuan sosial. Pendidikan zaman ini memberi kebebasan untuk menentukan nilai moral, mengutarakan idea – idea agama dan tugas – tugas kebajikan atau hak dan tanggungjawab warganegara.

.....

Bahagian B

9. Huraikan kepentingan hijrah dalam perkembangan Islam pada zaman Rasulullah s.a.w di Madinah.

Pendahuluan (3m)

1. Hijrah bermaksud 'pindah'. Dalam konteks sejarah perkembangan Islam ia bermaksud perpindahan Rasulullah s.a.w. dan umat Islam dari Mekah ke Madinah berikutan banyaknya halangan untuk menjadikan Mekah sebagai tapak perkembangan Islam, terutama dalam bentuk penentangan Quraisy. Dari segi istilah ia membawa makna perpindahan dari suatu keadaan yang tidak diredhai ke keadaan yang sentiasa diredhai Allah.
2. Latarbelakang hijrah – berlaku pada 622M iaitu selepas 13 tahun Nabi Muhammad s.a.w dilantik sebagai Rasulullah.
3. Faktor-faktor hijrah seperti penerimaan wahyu, tentangan dan kekejaman Quraisy, implikasi Perjanjian Aqabah, keinginan mencari tapak baru bagi penyebaran Islam dll. Rasulullah s.a.w. berhijrah setelah 13 tahun berdakwah di Mekah dan hanya berhijrah setelah menerima wahyu yang menerangkan mengenai komplot Quraisy untuk membunuh baginda. Jika rancangan Quraisy ini berjaya, perkembangan Islam boleh tersekat.
4. Penghijrahan ke Madinah pada 622M iaitu setelah 13 tahun kerasulan baginda amat penting dalam perkembangan Islam dan perjuangan Rasulullah s.a.w. Setelah berlakunya hijrah ini, banyak perubahan berlaku dalam perjuangan untuk menyebarkan Islam.

Isi-isi Jawapan (5 isi x 4m)

1. Kepentingan Keagamaan
 - Pengislaman Madinah: Dakwah Islamiah dapat dilaksanakan di Madinah. Madinah berkembang sebagai pusat penyebaran Islam.
 - Perubahan arah kiblat
 - Permulaan ibadat zakat dan puasa
 - Penyebaran Islam: Islam telah dapat disebarkan ke seluruh Tanah Arab dalam suasana yang lebih aman dan mudah. Untuk tujuan tersebut, Rasulullah s.a.w telah menjalin hubungan dengan kuasa-kuasa dan kabilah-kabilah Arab luar Madinah dengan cara menghantar utusan-utusan dakwah kepada mereka.
 - Wahyu yang baginda terima lebih menyeluruh meliputi semua aspek kehidupan manusia.
 - Kebebasan beragama dapat diwujudkan di Madinah.
2. Kepentingan Politik
 - Hijrah telah menyebabkan terbentuknya Negara Islam Madinah. Kewujudan Negara Islam ini membolehkan kebajikan umat Islam sentiasa terpelihara, keamanan umat

SULIT

Islam terjamin, dasar-dasar Islam dapat dilaksanakan dan Islam di Madinah dapat memberikan saingan kepada Quraisy di Mekah.

- Perlantikan baginda sebagai ketua negara membuktikan bahawa baginda bukan sahaja seorang nabi dan rasul tetapi juga seorang negarawan.
- Piagam Madinah yang dibentuk oleh baginda juga telah membolehkan usaha-usaha penyebaran Islam, penyatuan kaum dsb dilaksanakan dengan mudah
- Berlaku juga pertukaran kuasa politik Tanah Arab dari Mekah ke Madinah.
- .Kewujudan keamanan kerana negara Islam yang ditubuhkan oleh baginda tidak didasarkan kepada keturunan, sebaliknya pada dasar persamaan kepercayaan dan persaudaraan Islam. Keamanan yang diharapkan oleh para penduduk Madinah sebelumnya ternyata berjaya diwujudkan.

3. Kepentingan Sosial

- Penyatuan penduduk Madinah yang terdiri dari pelbagai keturunan dan kepercayaan.menerusi semangat persaudaraan Islam dan Piagam Madinah. Rasulullah s.a.w. juga berjaya mengubah corak corak kehidupan masyarakat Madinah dan menyatupadukan mereka. Piagam Madinah yang digubal atas dasar ajaran-ajaran Islam telah berjaya mengatasi pelbagai masalah sosial. Semua umat Islam telah baik golongan Ansar (Auz dan Khazraj) dan Muhajirin (yang berpindah dari Mekah), hidup dalam satu kesatuan ummah dan semangat persaudaraan Islam, saling bantu-membantu dan tiada perbezaan taraf. Sementara golongan bukan Islam seperti orang-orang Yahudi pula telah diberikan hak dan kebebasan yang sewajarnya.
- Pembinaan masjid sebagai institusi ibadat dan sosial Islam telah mengeratkan hubungan sesama Islam.

4. Kepentingan Ekonomi

- Ekonomi: Madinah mula menjadi pusat perdagangan utama Tanah Arab yang seterusnya telah menjejaskan peranan yang selama ini dipegang oleh Mekah Umat Islam Madinah juga berjaya menguasai laluan perdagangan di antara selatan (Mekah dan Yaman) dan utara (Syam). Penguasaan ini juga telah menjadi faktor utama meletusnya beberapa siri peperangan antara Islam dan Quraisy.

5. Kepentingan Pertahanan dan Ketenteraan

- Hijrah ke Madinah telah membolehkan Rasulullah s.a.w. membentuk umat Islam yang lebih kuat dan mantap. Buktinya Rasulullah s.a.w. dan umat Islam telah berjaya menewaskan Quraisy dan sekutu-sekutunya dalam beberapa peperangan.
- Dari sudut ketenteraan, baginda berjaya membina pasukan tentera dalam tempoh yang singkat. Hanya setelah dua tahun berhijrah, sebuah pasukan tentera Islam berjaya ditubuhkan, berbanding ketika 13 tahun berada di Mekah,
- Musuh-musuh Islam berjaya ditewaskan. Musuh-musuh Islam baik di luar mahupun di dalam Madinah berjaya dibersihkan. .

6. Permulaan Kejatuhan Quraisy

- Perjanjian Hudaibiyah merupakan antara peristiwa penting setelah peristiwa hijrah. Tindakan Quraisy yang mengusulkan dan mengusahakan pementeraian perjanjian tersebut menunjukkan bahawa mereka telah mengiktiraf baginda sebagai Rasulullah s.a.w., mengiktiraf kewujudan Islam, mengiktiraf kewujudan negara Islam dan mengiktiraf Rasulullah s.a.w. sebagai ketua negara dan umat Islam. Semua pengiktirafan ini tidak baginda perolehi ketika masih berada di Mekah.

SULIT

- Perluasan kuasa dan pengaruh Islam sekaligus menyebabkan kejatuhan pengaruh Quraisy. Apabila Rasulullah s.a.w. dan umat Islam bergerak ke Mekah untuk membukanya sebagai kota Islam sebagai akibat dari tindakan Quraisy yang melanggar Perjanjian Hudaibiyah, pihak Quraisy telah gagal menghalangnya kerana kedudukan mereka yang telah lemah itu.

Penutup (2m)

- Peristiwa hijrah pada 622M jelas telah menyebabkan pengaruh Islam berkembang sehingga Islam menjadi kuasa tunggal di Tanah Arab. Ini membuktikan bahawa Hijrah merupakan satu strategi dalam usaha untuk memperkembangkan Islam.
- Kedudukan Islam terus dimantapkan oleh para pengganti Rasulullah s.a.w.

.....

10. Jelaskan kandungan Piagam Madinah dan implikasinya kepada penyelesaian sosio-politik masyarakat di Madinah.

Pengenalan : (3 markah)

- a. Latar belakang Piagam Madinah - Perlembagaan Madinah yang digubal pada tahun ke-2H, merupakan perlembagaan bertulis yang tertua di dunia walaupun sebelum kemunculan tamadun Islam telahpun wujud pelbagai tamadun dunia lain seperti Mesir, Yunani, Rom dan sebagainya. Piagam Madinah berbeza dari tulisan – tulisan peraturan pemerintah sebelum ini, kerana perlembagaan ditulis oleh pemimpin iaitu Nabi Muhammad s.a.w untuk diterima pakai oleh rakyatnya, iaitu penduduk Madinah. Piagam ini merupakan satu undang – undang tertinggi di Madinah, selain itu Al – Quran, yang telah menjadi tatacara pemerintahan di negara kota itu. Ia berlainan dengan The Constitution of Athens yang hanya merupakan sejarah evolusi amalan perlembagaan di negara itu. Piagam Madinah tidak seperti dokumen Shuking oleh Confucious yang merupakan buku teks untuk kanak – kanak raja. Ia juga bukan seperti dokumen Artha Sastera yang dianggap sebagai peraturan pemerintahan pada zaman Chandra Gupta Maurya, yang hanya menjadi buku teks pembelajaran untuk anak – anak raja waktu itu;
- a. Syahifah Madinah mengandungi 47 fasal yang merangkumi 2 bahagian. Bahagian pertama mengandungi 23 fasal menyentuh hubungan dan tanggungjawab orang Islam sesama Islam (Muhajirin dan Ansar). Bahagian kedua pula mengandungi 24 fasal membabitkan kaum Yahudi dan tanggungjawab mereka terhadap negara Islam Madinah. Di dalam Perlembagaan Madinah ini telah digariskan beberapa prinsip umum tentang dasar pentadbiran masyarakat (ummah) dan negara Islam Madinah yang dianggotai oleh pelbagai kaum, puak dan kepercayaan, mengikut keperluan semasa.

Isi-isi Jawapan:

1. Kandungan Piagam Madinah (5 markah)

- Agama Islam menjadi asas kepada Piagam Madinah
- Nabi Muhammad s.a.w. diiktiraf sebagai ketua negara dan ketua hakim.
- Keselamatan orang Islam dan bukan Islam adalah dijamin di Madinah.

SULIT

- Kebebasan beragama kepada semua penduduk Madinah.
- Setiap masyarakat Madinah sama ada Islam atau pun tidak harus bekerjasama untuk memajukan ekonomi Madinah.
- Semua penduduk Madinah bertanggungjawab mempertahankan Madinah dari musuh.

2. Kesan PM kepada penyelesaian penduduk Madinah (5 isi x 3m)

- a. Penyelesaian masalah penyatuan penduduk yang berbilang keturunan dan kepercayaan.
 - Piagam Madinah telah mendamaikan permusuhan suku-suku Arab yang telah lama berlaku. Suku Auz dan Khazraj hidup aman dalam persaudaraan Islam.
 - Sesama Islam digalakkan saling bantu-membantu, hidup secara aman dan ditegah membantu musuh untuk menyerang sesama Islam..
 - Orang – orang Islam diwajibkan hidup bermasyarakat sesama mereka secara aman dan mereka hendaklah membantu saudara seagama dan ditegah membantu dan berpihak kepada musuh – musuh Islam.
- b. Penyelesaian masalah keagamaan
 - Perlembagaan ini membolehkan syariah Islamiah dilaksanakan di Madinah secara total. Pelaksanaan syariah Islamiah merupakan matlamat utama penegakan negara Islam. Syariah Islam tidak akan dapat ditegakkan tanpa penubuhan sebuah negara Islam.
 - Kebebasan beragama – umat Islam dan bukan Islam bebas untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing – memberi peluang kepada umat Islam dan bukan Islam untuk bergaul dan sekaligus menarik minat mereka kepada Islam.
- c. Penyelesaian masalah keamanan dan keselamatan
 - Fungsi Syahifah ialah menegakkan keadilan dan membanteras kezaliman, mencegah jenayah, maksiat dan kemungkaran dll.
 - Semua penduduk bertanggungjawab memelihara keamanan dan keselamatan negara – tidak meletakkan tanggungjawab ini kepada umat Islam sahaja.
 - Yahudi tidak boleh membuat pakatan dengan Quraisy Mekah dan mereka diwajibkan juga mempertahankan negara dari ancaman luar.
 - Jaminan keselamatan ke atas semua penduduk selagi mereka mematuhi perjanjian / perlembagaan tersebut.
 - Hak dan keselamatan setiap penduduk Madinah adalah terjamin. Mana – mana pihak yang cuba mengkhianati piagam akan diambil tindakan tegas dan dihukum seberat – beratnya tanpa mengira bangsa atau agama.
- d. Penyelesaian masalah kepimpinan kota Madinah
 - Pengakuan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. adalah pemimpin masyarakat dan ketua negara yang wajib dipatuhi dan dihormati.. Sebagai ketua negara baginda mempunyai kuasa di dalam urusan pemerintahan negara dan sebagai ketua agama bagi umat Islam. Bagaimanapun setiap ketua kaum mempunyai hak untuk menyelesaikan masalah dalam kaum masing-masing.
 - Yahudi secara tidak langsung telah mengiktiraf kewujudan Islam, Madinah sebagai negara Islam dan Nabi sebagai Rasulullah s.a.w.

SULIT

- e. Penyelesaian masalah perhubungan antara Islam dan bukan Islam (Yahudi)
 - Masyarakat berbilang agama dan keturunan di Madinah dianggap sebagai sebuah masyarakat (ummah) yang mempunyai kewajiban dan tanggungjawab yang sama terhadap negara Islam Madinah. Setiap anggota syahifah hendaklah menjalin hubungan yang erat sesama mereka tidak kira agama atau asal keturunan. Umpamanya umat Islam tidak boleh membiarkan saudara-saudara mereka dibebani hutang. Mereka mesti menolong dengan jalan yang benar apabila timbul soal-soal membayar tebusan wang dan darah.
 - Penganut Islam dan Yahudi mestilah hidup bersama di dalam bentuk kewarganegaraan dengan hak yang sama dalam lingkungan konsep ummah.
 - Terhapusnya ancaman Yahudi sebagai musuh dalam selimut dalam kerajaan Islam. Golongan Yahudi iaitu Bani Quraizah, Bani Nadhir dan Bani Qainuqa' yang mengkhianati Madinah telah dapat dihapuskan kerana mengkhianati Syahifah Madinah yang telah mereka persetujui. Contohnya apabila mereka membantu pihak Quraisy dalam Perang Ahzab (5H).

- f. Penyelesaian masalah perundangan:
 - Wahyu Allah yang disampaikan kepada Rasulullah s.a.w. merupakan sumber utama undang-undang negara.

3. Penutup: (2 m)

- PM ternyata satu wadah berkesan mengatasi pelbagai masalah penduduk Madinah.
- Apabila Rasulullah s.a.w. wafat, Khulafa ar-Rasyidim terus mengamalkan politik Islam yang diasaskan oleh Rasulullah s.a.w. Syahifah Madinah juga dikekalkan. Ini terbukti dengan beberapa tindakan yang diambil oleh mereka untuk mengatasi golongan-golongan yang mengancam kedaulatan negara Islam. Namun begitu beberapa pertambahan struktur pentadbiran telah dilakukan, tetapi tidak bertentangan dengan Islam dan Syahifah Madinah.
- Apa sahaja yang berkaitan.

.....

11. Penerimaan Rasulullah s.a.w terhadap Perjanjian Hudaibiyah telah menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan umat Islam. Jelaskan syarat-syarat perjanjian dan bagaimanakah perjanjian tersebut merupakan kemenangan yang nyata di pihak Islam.

Pendahuluan (3m)

- a. Perjanjian Hudaibiyah (PH) merupakan perjanjian damai antara Islam (diwakili Rasulullah s.a.w.) dan Quraisy Mekah (diwakili Suhail b. Amru) pada Zulkaedah 6H atau Mac 628M di perkampungan Hudaibiyah (pinggir Mekah).
- b. Peristiwa-peristiwa ke arah perjanjian:
 - Keinginan Rasulullah s.a.w dan kira-kira 1500 orang pengikut untuk melaksanakan ibadat haji dan menziarahi kaum keluarga di Mekah.
 - Salah anggap Quraisy dan tindakan cuba menghalang kedatangan umat Islam dengan menghantar tentera pimpinan Khalid al-Walid – Rasulullah menggunakan laluan lain.
 - Peristiwa Bai'ah ar-Ridwan

Isi-isi Jawapan

1. Kandungan Perjanjian (3m)

- i. Gencatan senjata selama 10 tahun.
- ii. Kebebasan menjalin hubungan dengan pihak lain.
- iii. Tidak boleh mencero boh atau mengkhianati harta benda di antara satu dengan lain.
- iv. Golongan Quraisy yang masuk Islam dan berpindah ke Madinah tanpa izin walinya hendaklah dikembalikan ke Mekah.
- v. Pengikut nabi yang berpaling tadah kepada Quraisy tanpa izin walinya tidak perlu dikembalikan ke Madinah
- vi. Umat Islam tidak dibenarkan menunaikan ibadat haji pada tahun tersebut tetapi dibenarkan pada tahun berikutnya (7 H) dengan syarat melaksanakan ibadat haji tidak lebih 3 hari, memasuki Mekah tanpa senjata terhunus dan memasuki Mekah setelah Quraisy keluar dari kota tersebut.

2. Kemenangan-kemenangan yang pihak Islam perolehi. (6 isi x 3m)

- a. Jaminan Allah: Firman Allah dalam Surah al-Fath : “Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadamu kemenangan yang nyata, supaya Allah memberi keampunan kepadamu terhadap dosamu yang telah lalu dan yang akan datang serta menyempurnakan nikmatnya atasmu dan memimpin kamu kepada jalan yang lurus” (Ayat 1-2). Wahyu di atas Rasulullah saw terima ketika dalam perjalanan pulang dari Mekah ke Madinah setelah selesainya PH dipersetujui dan ketika umat Islam merasa gelisah dengan tindakan Rasulullah s.a.w mempersetujui kandungan PH yang dikemukakan oleh Quraisy kerana pada pandangan umat Islam PH seolah-olah memberi kemenangan kepada Quraisy.
- b. Kemenangan dari sudut pengiktirafan iaitu Quraisy mulai mengakui kewujudan ugama Islam, mengiktiraf Nabi Muhammad s.a.w. sebagai Rasul dan mengakui kewujudan Negara Islam – sebelumnya Quraisy tidak mengiktiraf kewujudan Islam dan kerasulan baginda . Ini menjatuhkan kedudukan dan maruah Quraisy.
- c. Kemenangan dari aspek penyebaran Islam. Gencatan senjata selama 10 tahun membolehkan Rasulullah s.a.w. mengadakan hubungan diplomatik dengan kabilah-kabilah / kerajaan luar dan menyampaikan Islam kepada mereka. Utusan-utusan diplomatik dihantar ke seluruh Tanah Arab, Kerajaan Byzantine dan Yaman. Hasilnya berlaku pertambahan jumlah umat Islam dalam tempoh dua tahun iaitu dari 1500 kepada 10000 orang. Ramai pemimpin Quraisy juga mula menerima Islam. Antaranya ialah Khalid al-Walid. Akibatnya pengaruh dan pengikut Quraisy mulai merosot.
- d. Gencatan senjata juga telah mengujudkan keamanan dan ia memberi kesempatan kepada Rasulullah s.a.w untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan dan mengatasi masalah yang timbul.
- e. Kemenangan dari aspek pengguguran syarat perjanjian: Tindakan mengembalikan semula umat Islam ke Mekah kerana pengislaman mereka tidak mendapat izin walinya juga menguntungkan Islam kerana jika mereka telah menjadi Islam sejati mereka dapat menyebarkan Islam di Mekah dan boleh menjadi pengintip terhadap sebarang perancangan Quraisy untuk menghancurkan Islam. Syarat ini akhirnya digugurkan apabila Quraisy mendapati ia merugikan Quraisy, terutama apabila Abu Basyar yang diperintahkan oleh Rasulullah s.a.w. supaya kembali ke Mekah (untuk mematuhi perjanjian) telah bertindak menubuhkan pasukan kecil untuk mengganggu perjalanan kafilah-kafilah Quraisy yang berulang-alik antara Mekah dan Syam. Akibatnya ekonomi Mekah mengalami kemerosotan dan akhirnya Quraisy sendiri yang meminta syarat ini digugurkan.
- f. Membersihkan musuh dalaman: Syarat yang mengkehendaki agar orang-orang Islam yang berpaling tadah kepada pihak Quraisy supaya tidak dikembalikan ke Madinah juga menguntungkan Islam kerana ia sekaligus dapat membersihkan ‘musuh dalam selimut’.
- g. Kebenaran menunaikan ibadat haji: Pada tahun berikutnya umat Islam telah dibenarkan menunaikan ibadat haji di Baitullah. Kebenaran ini amat besar ertinya setelah tujuh tahun mereka tidak melaksanakannya. Sewaktu mereka melaksanakan ibadat tersebut, tingkah laku mereka sentiasa dicuri pandang oleh Quraisy yang semakin berbelah bagi terhadap kepercayaan tradisi mereka dan akhirnya telah mendorong semakin ramai orang Mekah

SULIT

tertarik kepada Islam termasuk pemimpin Quraisy sendiri yang sebelumnya begitu kuat menentang Islam seperti Khalid al-Walid.

- h. Pembukaan kota Mekah sebagai kota suci Islam. Kemenangan seterusnya ialah berikutan tindakan Quraisy mencabuli syarat yang menetapkan larangan menceroboh mana-mana pihak atau sekutunya. Pada 8H Quraisy secara sengaja telah membantu sekutunya iaitu Bani Bakar untuk menyerang sekutu Islam iaitu Bani Khuzaah. Quraisy sengaja melakukan tindakan tersebut setelah menyedari segala kandungan perjanjian yang mereka tetapkan sebenarnya lebih menguntungkan Islam. Tindakan Quraisy itu menyebabkan Rasulullah s.a.w. berserta kira-kira 10000 orang umat Islam bergerak ke Mekah dan akhirnya berjaya menawannya.

3. Penutup (1m)

- i. Perjanjian Hudaibiyah merintis ke arah pembukaan Mekah pada 8H
- ii. PH membuktikan bahawa Rasulullah s.a.w. berpandangan jauh.
- iii. Tentangan dan pengaruh Quraisy lenyap setelah Mekah ditakluki Islam.

.....

12. “Membayar zakat adalah diwajibkan ke atas umat Islam”. Bincangkan sejarah, fungsi dan pelaksanaan zakat dari zaman Rasulullah s.a.w hingga pada zaman Bani Umaiyah.

A. PENDAHULUAN : (3markah)

- Dari segi bahasa zakat bermaksud penambahan dan penyuburan pahala serta penyucian jiwa. Dari segi syarak pula, zakat ditakrifkan sebagai mengeluarkan harta mengikut kadar tertentu berdasarkan syariat yang telah ditentukan. Kewajipan mengeluarkan zakat telah disebut sendirian sebanyak 32 kali dan sebanyak 26 kali beriringan dengan kewajipan menunaikan solat di dalam al-Quran.

B. Isi-Isi Jawapan : (20 markah)

1. Sejarah pelaksanaan zakat (3isi x 2 markah =6 markah)

- Bermula sebelum kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. Pada zaman Rasulullah telah ada amalan sedemikian. Dalam Al Quran, Allah telah menyebut beberapa Nabi dan Rasul terdahulu yang melaksanakan zakat. Antaranya Nabi Ibrahim, Nabi Yaakub, Nabi Ismail dan Nabi Isa.
- Peringkat kedua pelaksanaan zakat dapat dilihat sebelum penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. ke Madinah. Pada masa ini zakat dikaitkan dengan amalan tolong-menolong golongan bangsawan terhadap golongan miskin khususnya pada awal penyebaran Islam. Contohnya Siti khadijah dan Abu Bakar As Siddiq yang banyak mendermakan harta mereka demi perjuangan Islam. Cuma pengeluaran zakat pada

ketika ini hanya bertaraf pilihan tanpa dihadkan kadar nisab dan jenis harta benda yang hendak dikeluarkan.

- Pada 2 H, zakat mula difardukan ke atas setiap umat Islam antara bulan Syaaban hingga Syawal. Rasulullah s.a.w. pernah berpesan agar umat Islam menunaikan zakat.

2. Fungsi Zakat (3 isi x 3 markah =6 makah)

- Dapat membersihkan jiwa dan rohani manusia daripada sifat bakhil, sombong, mementingkan diri dan sayangkan harta. Dengan mengeluarkan zakat dapat melahirkan masyarakat yang aman dan saling bantu membantu.
- Zakat juga menguji golongan kaya agar bersifat pemurah, tolong menolong terhadap golongan yang kurang berada.
- Zakat mewujudkan suasana harmoni antara golongan berada dengan golongan miskin dan merapatkan jurang sosial antara mereka. Golongan miskin tidak akan merasa cemburu dan rendah diri. Manakala golongan kaya pula dapat membantu dan menandakan kesyukuran terhadap harta yang mereka miliki.
- Zakat dapat membersihkan harta seseorang daripada bercampur dengan hak orang lain. Mengikut Islam, harta yang dimiliki apabila genap tempoh masa dan jumlahnya perlulah mengeluarkan sebahagian hartanya untuk diagihkan kepada yang berhak.

3. Pelaksanaan zakat. (4 isi x 2 markah = 8 makah)

- Pada zaman Rasulullah, zakat diwajibkan pada 2 H. Zakat terbahagi kepada dua iaitu zakat fitrah dan zakat harta benda. Zakat fitrah merupakan zakat yang diwajibkan ke atas orang Islam pada akhir bulan Ramadhan setiap tahun. Zakat ini diwajibkan kepada semua peringkat umur. Zakat harta benda ialah zakat yang dikeluarkan oleh mereka yang mempunyai harta dengan kadar tertentu. Harta yang diwajibkan zakat ialah tanaman, binatang ternakan, emas, perak, barangan perniagaan dan harta rikaz.
- Zakat diberikan kepada 8 asnaf iaitu golongan fakir, miskin, mualaf, orang berjihad, orang berhutang, hamba yang hendak memerdekakan dirinya, musafir dan amil.
- Pada zaman Abu Bakar as- Siddiq, beliau telah bertindak tegas dengan golongan yang enggan membayar zakat (Gerakan ar-Riddah) seperti di Yaman, Bahrin dan Oman. Beliau telah membentuk 11 pasukan tentera yang diketuai oleh Khalid bin al- Walid untuk memerangi golongan tersebut.
- Semasa Khalifah Umar al-Khattab, hasil pungutan zakat bertambah berikutan jumlah orang Islam kian meningkat. Ekoran perluasan kuasa pemerintahan kerajaan Islam semasa Umar. Amil dilantik untuk memungut zakat dan disimpan dalam Baitul Mal sebelum diagihkan.
- Semasa zaman Bani Umayyah, Diwan al-Kharaj ditubuhkan untuk menyelaras pemungutan zakat. Semasa Umar Abdul Aziz, masyarakat disarankan untuk bekerja keras dan tidak boleh mengharapkan belas kasihan orang lain. Sehingga dilaporkan tiada orang yang berhak menerima zakat pada zaman pemerintahannya. Zakat pada zaman Umayyah dibahagikan kepada lima iaitu zakat emas dan perak dikenakan 2.5%, zakat binatang ternakan dan barang perdagangan 2.5%, harta rikaz dan galian dibumi perang 1/5 dan dibumi aman 2.5%, zakat tanaman dan buahan jika menggunakan siraman hujan sebanyak 1/10, manakala menggunakan siraman sendiri kadarnya 1/20, kadar zakat di zaman ini bergantung kepada keuntungan, hak milik dan

SULIT

peralatan pertanian. Sekiranya jika ada yang enggan melaksanakan zakat akan dikenakan hukuman mengikut syarak.

3. Kesimpulan (2 markah)

- Zakat amat penting sebagai sumber pendapatan negara. Ia bukan sahaja dapat mewujudkan suasana yang muhibah bahkan dapat menguatkan tahap keimanan umat Islam. Ia juga dapat menyucikan diri daripada sifat tamak haloba.

13. Bandingkan sistem pendidikan di Alam Melayu sebelum dan selepas kedatangan Islam.

Pendahuluan (3 markah)

Perkembangan sistem pendidikan di Alam Melayu dapat di kesan sejak sebelum kedatangan agama Islam. Sistem pendidikan sebelum kedatangan agama Islam dipengaruhi oleh agama Hindu-Buddha. Selepas kedatangan Islam, lahir sistem pendidikan yang sistematik dan terancang. Kedatangan Islam memulakan era baru dalam sistem pendidikan di Alam Melayu yang menyaksikan kelahiran ramai golongan intelektual. Perkembangan ini menyebabkan berlaku kemajuan dalam pelbagai bidang intelektual.

Isi –isi Jawapan (5 isi x 4 markah = 20 markah)

1. Matlamat pendidikan

Perbezaan dalam sistem pendidikan di Alam Melayu sebelum dan selepas kedatangan Islam dapat dilihat dan segi matlamat pendidikan. Sebelum kedatangan Islam, matlamat pendidikan adalah mengagungkan golongan pemerintah dan bangsawan. Pendidikan juga bertujuan untuk mengajar bahasa Sanskrit dan agama Buddha. Untuk tujuan tersebut, karya-karya Hindu berasaskan Epik Ramayana dan Mahabharata diterjemahkan ke dalam bahasa Jawa Kuno dan Bali. Pendidikan juga bertujuan melahirkan pegawai-pegawai kerajaan yang berwibawa. Selain itu, pendidikan juga bertujuan melahirkan rahib- rahib Buddha. Menurut I-Tsing, Srivijaya merupakan pusat latihan rahib-rahib Buddha yang terulung pads abad ke-6 S.M.

Selepas kedatangan Islam, matlamat pendidikan mengalami perubahan. Matlamat pendidikan selepas kedatangan Islam adalah melahirkan pelajar yang mempunyai akhlak dan budi pekerti mulia. Selaras dengan objektif ini, tumpuan diberikan kepada pembeijajaran ilmu agama seperti membaca kitab suci al-Qur'an. Pendidikan juga bertujuan melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai pengetahuan agama supaya dapat mendekati diri dengan Tuhan.

2. Kurikulum

Perbezaan antara sistem pendidikan sebelum dan selepas kedatangan Islam juga jelas ketara dalam aspek kurikulum. Sebelum kedatangan Islam, kurikulum menekankan pembelajaran bahasa Sanskrit dan kitab-kitab Hindu-Buddha. Antara teks-teks yang dipelajari termasuklah Narayanatha Rvasirpanisad dan Veda Parikrama Sarasamkitakirani. Teks-teks ini mengandungi maklumat tentang amalan pemujaan harian dan mantera. Teks Jawa-kuno dan Bali seperti Sang Hyang Kamahayanikan, Sumanasantaka Harisraya, Arjunavijaya, Harivamsa Smaradahana dan Bhomakavya turut digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Berbanding dengan kurikulum sebelum kedatangan Islam kurikulum pendidikan Islam menekankan ilmu agama dan nahu Arab. Kurikulum pendidikan di masjid dan madrasah meliputi bacaan al-Qur'an, Fardu Ain, Qasidah, Fikah, Usuluddin, Tasawuf, Hadis, Tafsir, Tajwid, pelajaran sembahyang dan ibadat lain. Kurikulum di Rangkang pula meliputi semua cabang ilmu kalam, falsafah, tasawuf, tajwid, Al-Quran, hadis tatabahasa Arab dan lain-lain. Sementara itu, kurikulum di pusat pengajian tinggi seperti Jamiah Bait al-Rahman tidak tertumpu kepada bidang agama tetapi juga ilmu-ilmu sekular seperti pentadbiran, perubatan, pertanian, matematik, pertukangan besi, undang-undang dan ilmu peperangan.

3. Institusi Pendidikan

Perbezaan juga jelas ketara dalam institusi pendidikan. Sebelum kedatangan Islam, institusi pendidikan di Alam Melayu terdiri daripada institusi pendidikan tidak formal dan institusi pendidikan formal. Institusi keluarga merupakan institusi pendidikan tidak formal yang penting. Institusi keluarga berperanan dalam mendidik anak-anak tentang nilai budaya, adat istiadat, pantang larang serta kemahiran dalam pertukangan serta pekerjaan lain. Institusi pendidikan formal yang muncul pada zaman ini terdiri daripada pusat-pusat pengajian Hindu-Buddha. Pusat-pusat pengajian terdiri daripada istana dan kraton diraja yang didominasi oleh golongan bangsawan. Pada zaman Hindu-Buddha juga muncul institusi pengajian tinggi Buddha di Alam Melayu. Institusi pengajian tinggi Buddha yang terkenal di Alam Melayu pada abad ke-6 M ialah Srivijaya. Srivijaya merupakan pusat latihan rahib-rahib Buddha. Antara rahib-rahib Buddha yang pernah menerima latihan di Srivijaya ialah Dharmapala, Vajrabodhi dan Amoghavajra.

Selepas kedatangan Islam institusi pendidikan terdiri daripada institusi pendidikan formal dan tidak formal. Sebelum kemunculan pendidikan formal, kanak-kanak mendapat pendidikan secara tidak formal. Kanak-kanak mendapat bimbingan daripada ibu bapa. Selepas kedatangan Islam, muncul banyak institusi pendidikan seperti rumah ulama, masjid, madrasah, sekolah pondok dan istana raja. Istana di Melaka, Aceh dan Pasai memainkan peranan

SULIT

sebagai pusat pengajian, penterjemahan pengumpulan karya dan pusat pertemuan golongan cendekiawan. Masjid, surau dan madrasah juga memainkan peranan sebagai pusat pengajian formal. Selain itu, sekolah-sekolah pondok juga memainkan peranan sebagai pusat pengajian Islam kepada rakyat jelata. Pelajar-pelajar sekolah pondok akan melanjutkan pelajaran ke Makkah. Sementara itu, Rangkang merupakan institusi pendidikan yang mempunyai tingkatan. Pelajar di sekolah ini didedahkan dengan subjek ilmu kalam, falsafah, tasawuf, taj'wid, al-Qur'an, hadis dan tatabahasa Arab. Terdapat juga institusi pendidikan tinggi seperti Jamiah Bait al-Rahman yang menawarkan subjek agama dan sekular.

4. Bentuk Pendidikan

Perbezaan seterusnya dapat dikesan daripada bentuk pendidikan. Sebelum kedatangan Islam, terdapat dua bentuk pendidikan, iaitu pendidikan tidak formal dan pendidikan formal. Pendidikan tidak formal dijalankan di kalangan rakyat jelata. Institusi keluarga memainkan peranan mendidik anak-anak tentang nilai budaya, adat istiadat, pantang larang, dan kemahiran dan pertukangan. Pendidikan formal hanya untuk golongan bangsawan dan kerabat diraja. Pendidikan formal dijalankan di istana dan Kraton.

Bentuk pendidikan juga mengalami perubahan selepas kedatangan Islam. Selepas kedatangan Islam, pendidikan dibahagikan kepada dua jenis iaitu pendidikan formal dan tidak formal. Pada peringkat awal, kanak-kanak mendapat pendidikan secara tidak formal di rumah. Pendidikan formal dijalankan di rumah-rumah ulama, masjid, madrasah atau pondok dan istana. Institusi pendidikan formal mempunyai kurikulum, buku teks, guru serta jadual pembelajaran yang terancang.

5. Tenaga pengajar

Perbezaan juga jelas dari segi tenaga pengajar. Sebelum kedatangan Islam, sistem pendidikan dipengaruhi oleh agama Hindu Buddha. Pendeta-pendeta Brahmin memainkan peranan sebagai guru yang mengajar anak-anak golongan bangsawan dan kerabat raja. Golongan pendeta Brahmin mengajar anak bangsawan dan kerabat diraja di istana dan kraton. Sementara itu, guru-guru di institusi pengajian Buddha pula terdiri daripada rahib-rahib Buddha. Antara rahib-rahib Buddha yang terkenal di Alam Melayu khususnya di Srivijaya ialah Dharmapala, Vajrabodhi dan Amoghavajra.

Selepas kedatangan Islam, tenaga pengajar terdiri daripada ulama yang mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat. Guru-guru agama atau ulama mendapat naungan daripada sultan dan bertindak sebagai penasihat kepada sultan. Dalam pada itu, guru-guru yang mengajar di madrasah dikenali sebagai Teungku Meunasah. Guru-guru dibantu oleh

SULIT

murid-murid yang lebih pintar di kenali sebagai sida. Guru-guru yang mengajar di sekolah pondok terdiri daripada ulama yang menerima pendidikan di Makkah. Guru-guru ini tidak menerima bayaran tetapi sebaliknya mendapat bayaran zakat atau sedekah daripada orang ramai.

Penutup (2 markah)

Kesimpulannya, jelas ternyata sistem pendidikan di Alam Melayu dibahagikan kepada dua peringkat iaitu zaman sebelum kedatangan Islam dan zaman selepas kedatangan Islam. Sebelum kedatangan Islam, sistem pendidikan dimonopoli oleh golongan atasan iaitu golongan bangsawan dan kerabat diraja. Pada zaman ini pendidikan berteraskan pengajian agama Hindu dan Buddha. Selepas kedatangan Islam, berlaku perubahan besar dalam sistem pendidikan di Alam Melayu ekoran daripada kemunculan institusi pendidikan dan kurikulum yang terancang. Perkembangan ini melahirkan revolusi intelektual di Alam Melayu dan menyaksikan kemunculan golongan cendekiawan dalam pelbagai lapangan ilmu.

.....

14. Huraikan sejarah kemunculan mazhab-mazhab dalam Islam serta nyatakan faktor-faktor yang membawa kepada kemunculan mazhab-mazhab tersebut.

1. Pendahuluan (3 markah)

- a. Rasulullah s.a.w. telah berjaya menyatukan umat Islam menerusi semangat persaudaraan Islam.
- b. Kemunculan pelbagai mazhab pula berlaku pada zaman pemerintahan Khalifah Ali B. Abu Talib.
- c. Walaupun berbeza pemikiran, tetapi dari segi akidah pelbagai mazhab masih memperlihatkan persamaan.
- d. Kesan positif kelahiran mazhab ialah timbulnya pelbagai idea dan interpretasi baru tentang isu-isu agama yang membolehkan umat Islam beramal dengan mudah dengan wujudnya ruang-ruang yang lebih luas menerusi ijtihad para ulamak.
- e. Kesan negatifnya ialah apabila penganut mazhab terlalu taksuf sehingga menimbulkan perpecahan di kalangan umat Islam.

2. Isi-isi Jawapan

2.1. Sejarah Kemunculan mazhab-mazhab dalam Islam (3 markah x 5 isi = 15 markah)

- a. Aliran Khawarij
 - a. Mereka juga digelar sebagai al-Hururiyah, al-Muhakkimah dan al-Shirat. Aliran ini lahir pada 37H iaitu berikutan peristiwa Majlis Thakim yang dibentuk untuk menyelesaikan Perang Siffin.
 - b. Pendokong aliran ini asalnya ialah pengikut Khalifah Ali yang kemudian bertindak beramai-ramai keluar dari menyokong Khalifah Ali berikutan tindakan Khalifah Ali menerima cadangan damai yang dianjurkan oleh pihak Muawiyah bin Abu Sufian sebagai langkah untuk menamatkan Perang Siffin. Mereka juga telah mengkafirkan Khalifah Ali. Pada 38H puak ini telah bertempur dengan tentera Khalifah Ali di Nahrawan.
 - c. Keanggotaannya terdiri daripada pelbagai suku kaum Arab Badwi.
 - d. Pegangan aliran ini dari segi politik ialah menyokong kepimpinan Khalifah A. Bakar, Umar dan pada peringkat awal pemerintahan Khalifah Usman. Namun mereka tidak bersetuju dengan penerusan pemerintahan dari kalangan Quraisy sebaliknya menganjurkan supaya perlantikan Khalifah dilakukan secara bebas dan tidak terhad kepada kaum Qursisy.
 - e. Dari segi akidah mereka berpendapat imam bukan hanya merupakan pengakuan lisan dan hati tetapi mesti disertai dengan amal ibadat.

SULIT

b. Aliran Syiah

- i. Perkataan Siah berasal dari bahasa Arab bermaksud 'puak' atau 'sekumpulan manusia dari satu puak.
- ii. Aliran ini lahir berikutan kemunculan puak khawarij pada 37H. Aliran ini mendokong cita-cita ke arah pendewaan ke atas keluarga Ali Bin Abu Talib yang berketurunan Rasulullah s.a.w. atau Ahl al-Bait.
- iii. Pada peringkat awalnya aliran ini berbau politik dan mereka bercita-cita untuk mengekalkan status-quo mereka di Iraq. Justeru itu pada peringkat awalnya tidak ada seorang pun pemimpin mereka dari kalangan keluarga Syaidina Ali. Disebabkan pusat gerakannya di Parsi maka gerakan ini dipengaruhi kebudayaan dan kepercayaan Parsi.
- iv. Apabila Mukhtar bin Ubaid al-Thaqafi yang menggunakan nama Muhamad al-Hanafiah dan mendakwa sebagai anak Syaidina Ali dari isterinya yang berasal dari suku Hanafiah dilantik sebagai pemimpin gerakan Syiah pada 64H, perubahan perjuangan Syiah mula berlaku iaitu apabila Mukhtar telah memasukkan pelbagai teori bidaah, fahaman dan penyelewengan dalam ajaran Syiah.
- v. Puak Syiah kemudian berpecah kepada 3 aliran utama iaitu Ismailiyah, Imamiyah dan Zaidiyyah.

c. Aliran Murjiah

- a. Murji'ah berasal dari kata 'irja' yang bererti tangguh. Ia merupakan aliran yang lebih sederhana dan liberal. Kemunculannya adalah sebagai reaksi daripada kemunculan Khawarij dan Syiah. Mereka mengambil sikap tidak memihak kepada mana-mana sikap ekstrim Khawarij dan Syiah. Oleh itu mereka mengambil sikap berkecuali dalam apa juga pertelingkahan atau perang saudara Islam.
- b. Aliran ini dikatakan muncul berikutan peristiwa pembunuhan Khalifah Usman Affan dan perlantikan Ali Bin Abu Talib.
- c. Pengasas aliran ini ialah Yunus bin Awn al-Numairi.
- d. Pegangan aliran ini ialah menyerahkan segala perbuatan di dunia kepada pengadilan Allah di hari akhirat. Mereka tidak berani menghukum sesuatu tetapi menanggungkannya di akhirat. Bagi mereka iman ialah mengenai Allah dan mengesakannya melalui lidah dan hati. Seseorang itu dianggap mukmin setelah mengenai Allah. Sebarang dosa yang dilakukan tidak akan memberi kesan kepada iman seseorang. Pengadilan bagi orang yang berdosa tidak dilakukan di dunia, sebaliknya akan dilakukan di akhirat kelak.
- e. Perkembangan pemikiran akhirnya menyebabkan aliran ini berpecah kepada beberapa kumpulan iaitu kumpulan Murjiah Qadariah (kebebasan manusia), Murjiah Jabariah (kekuasaan Allah ke atas manusia) dan golongan Murjiah ketiga tidak menyebelahi mana-mana Qadariah atau Jabariah, sebaliknya mengatakan bahawa iman adalah sesuatu yang unggul dan tetap sebelum manusia melakukan sesuatu.

d. Aliran Muktazillah

- a. Pertentangan antara Murjiah Qadariah dan Murjiah Jabariah telah menyebabkan munculnya golongan Muktazillah. Muktazillah bererti orang yang mengasingkan diri iaitu sempenan tindakan pengasasnya (Wasil Bin 'Ata' yang telah bertindak keluar dari menyetujui pendapat gurunya Hassan al-Basri.
- b. Aliran ini wujud pada 120H iaitu pada zaman terakhir pemerintahan Bani Umayyah.
- c. Kaum Muktazillah sering dianggap sebagai golongan rasionalis kerana dasar pemikiran mereka yang lebih mengutamakan akal fikiran dari al-Quran dan Hadis,

walaupun terhadap perkara-perkara yang berkaitan hukum dan akidah. Pada mereka apa sahaja yang difikirkan logik dan benar mengikut ukuran akal maka itulah yang benar. Justeru itu mereka tidak mempercayai peristiwa Israk dan Mikraj serta seksa kubur.

- d. Keghairahan penggunaan akal sebagai nas adalah berpunca dari pengaruh falsafah dan pemikiran Yunani berikutan kemasukan ilmu pengetahuan luar dalam kerajaan Islam.
 - e. Kemuncak pengaruh aliran ini ialah pada zaman pemerintahan Khalifah al-Makmum, al-Mu'tazim dan al-Wathiq (Kerajaan Bani Abbasiyah) (198-232H), kerana pada tempoh tersebut aktiviti penterjemahan buku-buku falsafah Yunani amat giat dilakukan. Kegiatan ini asalnya untuk tujuan perkembangan ilmu, namun akhirnya telah mempengaruhi pemikiran mereka. Ketiga-tiga orang khalifah tersebut dikatakan antara penyokong kuat aliran Muktazillah ini, bahkan telah dijadikan mazhab negara.
- e. Aliran Ahli Sunnah Wal-Jamaah
- a. Aliran ini lahir pada abad ke-3H iaitu sebagai reaksi kepada ajaran Muktazillah yang dianggap menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar. Ia merupakan aliran pemikiran Islam yang terakhir muncul pada zaman tradisi Islam dan juga merupakan aliran pemikiran paling lengkap.
 - b. Aliran ini merupakan gabungan antara Ahl al-Ra'y (golongan yang menggunakan akal fikiran yang kebanyakannya berada di Iraq) dan Ahl al-Hadith (golongan yang banyak menggunakan Hadith yang kebanyakannya berada di Madinah). Bagaimanapun kedua-dua golongan ini lebih banyak menggunakan Hadith dalam menentukan sesuatu hukum. Disebabkan itu mereka digelar Ahl al-Sunnah yang bererti pembela sunnah Rasulullah s.a.w.
 - c. Usaha membela Sunnah Rasulullah s.a.w. sebenarnya telah dilakukan oleh para sahabat yang kemudian diikuti oleh para pengikut mereka (tabi'in). Antara mereka ialah Abu Hanifah (pelopor ahl al-ra'y) dan Ahmad bin Hanbal (pelopor ahl al-hadith). Ketika itu masih belum disebut Ahl Sunnah wal-al-Jamaah. Tetapi setelah wujudnya pelbagai aliran seperti dinyatakan di atas, maka kumpulan ini dikenali sebagai Ahl al-Sunnah wal al-Jamaah.
 - d. Antara pemimpin aliran ini seperti Abu Hassan al-Asyaari, Abu Mansur al-Maturidi, Imam al-Ghazali dll.

2.2. Faktor-faktor kemunculan mazhab-mazhab dalam Islam (2m x 3 isi = 6m)

- a. Kefahaman dan tafsiran yang berbeza mengenai ayat-ayat al-Quran.
 - i. Ia disebabkan oleh perbezaan ilmu pengetahuan, kebolehan dan pengalaman mereka.
 - ii. Tidak semua umat Islam hidup sezaman dengan Rasulullah s.a.w. dan tidak semua mendengar hadis daripada baginda.
 - iii. Perbezaan pendapat lebih ketara apabila mereka semakin jauh dengan zaman Rasulullah s.a.w.
- b. Pengaruh politik semasa
 - i. Pada akhir pemerintahan Khalifah Usman bin Affan telah berlaku pergeseran politik antara penyokong Khalifah Usman dengan golongan penentang yang kemudian melantik Khalifah Ali setelah Khalifah Usman terbunuh.

SULIT

- ii. Sewaktu pemerintahan Khalifah Ali telah timbul gerakan-gerakan untuk menuntut bela di atas kematian Khalifah Usman. Sesetengah gerakan tersebut lebih berbau politik dan semangat assabiyah.
 - iii. Ekoran pergeseran politik inilah lahirnya golongan Khawarij dan Syiah.
- c. Pengaruh kebudayaan dan pengaruh asing
- i. Pengaruh Yunani, Rom dan Parsi telah melahirkan aliran Murji'ah dan Muktaizillah.
 - ii. Reaksinya telah melahirkan golongan Ahl Sunnah wal-Jamaah.

3. Penutup (1 markah)

Ketaksuban umat Islam terhadap mazhab-mazhab pegangan mereka telah membawa kepada perbalahan dan perpecahan umat Islam. Ini dibuktikan sewaktu pemerintahan kerajaan Bani Umaiyah dan Bani Abbasiyah yang telah memerangi mazhab-mazhab yang berbeza pegangannya dengan pihak pemerintah.

.....;

15. Bandingkan matlamat penjelajahan dan penerokaan di antara masyarakat Islam dan Barat pada abad ke- 15- 16 Masehi.

PENDAHULUAN (3m)

- a. Kamus Dewan mentakrifkan penjelajahan sebagai mengelilingi atau berjalan ke merata tempat atau daerah untuk sesuatu tujuan, sementara penerokaan pula didefinisikan sebagai perihal perbuatan menyelidiki, menjelajah dan mengharungi.
- b. Penjelajahan dan penerokaan telah berlaku sejak sebelum wujudnya tamadun awal manusia. Namun aktiviti ini dalam bentuk yang tidak teratur dan tidak langsung. Ketika itu matlamat penjelajahan dan penerokaan manusia lebih bermatlamatkan kegiatan mencari rezeki dan membuka petempatan. Penjelajahan dan penerokaan yang teratur dan hanya bermula setelah wujudnya tamadun awal manusia.
- c. Bagi masyarakat Eropah kegiatan ini dimulakan oleh orang Yunani dan Rom. Bermula abad 13M negara-negara Eropah seperti Sepanyol, Portugis, British dan Belanda telah menghantar ekspedisi-ekspedisi penjelajahan dan penerokaan ke dunia luar khususnya benua Amerika dan Asia. Antara penjelajah-penjelajah itu seperti Marco Polo (dari Venice :1254 – 1324M), Christopher Columbus (Sepanyol:1451- 1494M), Vasco da Gama (Portugal: 1469 – 1494M) dll.
- d. Konsep 3G (gospel, glory dan gold) menjadi pendorong utama penjelajahan bangsa-bangsa Eropah.
- e. Dalam tamadun Islam pula, penjelajahan dan penerokaan amat digalakkan. Banyak ayat al-Quran yang menyeru supaya umat Islam menjelajah ke seluruh bumi Allah s.w.t.
- f. Tokoh-tokoh penjelajah Islam seperti Ibnu Batutha, Al- Masudi dan Al-Majid.

ISI-ISI JAWAPAN (5 markah x 4 isi = 20 markah)

1. Perbandingan dari aspek matlamat keagamaan.

a. Matlamat keagamaan Penerokaan / Penjelajahan Eropah

- Memperluaskan perkembangan agama Kristian. Akibat kekalahan Eropah dalam Perang Salib (1097 – 1292M) mendorong mereka untuk memperluaskan penyebaran Kristian bagi menyaingi perluasan penyebaran Islam. Para penjelajah turut membawa mubaligh-mubaligh Kristian sehingga akhirnya Kristian tersebar ke Amerika, Afrika dan Asia.

b. Matlamat keagamaan Penerokaan / Penjelajahan Islam

- Mengagungkan serta membesarkan Allah s.w.t. Matlamat ini dapat dicapai setelah manusia memerhati segala ciptaan Allah.
- Menambahkan keimanan dan ketakwaan terhadap Allah s.w.t. Matlamat ini juga dapat dicapai setelah melihat kepelbagaian benda dan makhluk ciptaan Allah.
- Dorongan al-Quran: Firman Allah yang bermaksud 'Katakanlah berjalan di muka bumi, maka perhatikanlah bagaimana Allah s.w.t menciptakan (manusia) dari permulaannya, kemudian Allah s.w.t menjadikannya sekali lagi'.
- Menyebarkan dakwah Islamiah. Matlamat ini juga merupakan matlamat penting dalam penjelajahan dan penerokaan Islam. Pada zaman Rasulullah s.a.w. baginda telah menghantar Muaz bin Jabal ke Yaman untuk berdakwah di sana. Begitu juga Khalifah Umar al-Khattab, umat Islam telah menjelajah hingga ke Parsi, Rom dan China untuk menyebarkan Islam.

2. Perbandingan dari aspek matlamat politik.

a. Matlamat politik Penerokaan / Penjelajahan Eropah

- Meluaskan pemerintahan. Contohnya kedatangan British ke Afrika, India dan Tanah Melayu adalah untuk menegakkan dan meluaskan kekuatan dan empayar masing-masing agar ia disegani dan ditakuti serta dihormati oleh negara-negara lain seperti Portugis dan Belanda.
- Dorongan pemerintah – contohnya Raja Henry (Sepanyol) yang menggalakkan pengembarannya melakukan penjelajahan.
- Mendapatkan kuasa di wilayah baru – membentuk kolonialisme di wilayah yang ditakluki (penjajahan)

b. Matlamat politik Penerokaan / Penjelajahan Islam

- Memperkukuhkan politik Islam. Aktiviti penjelajahan dan penerokaan ini banyak dilakukan oleh umat Islam semasa pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan dan al-Walid bin Abd Malik sehingga Islam akhirnya berjaya menguasai Sepanyol.

3. Perbandingan dari aspek matlamat ekonomi

a. Matlamat ekonomi Penerokaan / Penjelajahan Eropah

- Menegakkan kedudukan dan menstabilkan ekonomi negara. Apabila negara-negara Eropah berjaya menguasai sesebuah negara lain maka kegiatan perdagangan dapat dijalankan dengan negeri tersebut. Jika mereka dapat pula menjajah negara tersebut maka segala sumber ekonomi negara tersebut turut dikuasai. Umpamanya British berjaya menguasai sumber galian bijih timah di T.Melayu sementara Belanda menguasai sumber rempah di Indonesia.
- Persaingan antara pedagang Islam dan Eropah menyebabkan mereka datang sendiri ke Timur terutamanya Nusantara yang membekalkan perdagangan rempah utama ketika

SULIT

itu. Mereka ingin memecahkan monopoli perdagangan rempah di kalangan para pedagang Islam dan seterusnya menguasainya.

b. Matlamat ekonomi Penerokaan / Penjelajahan Islam

- Memakmurkan alam dengan aktiviti ekonomi dan perdagangan. Di samping itu umat Islam juga dapat memperkenalkan kaedah perniagaan Islam yang berdasarkan konsep keadilan dan kejujuran.

4. Perbandingan dari aspek ilmu pengetahuan

a. Matlamat ilmu pengetahuan Penerokaan / Penjelajahan Eropah

- Ia didorong oleh semangat inquiri:
- Mengkaji dan menilai perkembangan tamadun di kawasan baru seperti di Asia dan Amerika.
- Mempertingkatkan ilmu pelayaran seperti penggunaan kompas, arah tiupan angin, ilmu bintang dll.
- Mengesan laluan-laluan perdagangan terutama ke timur (Asia) bagi menjalin hubungan dagang.

b. Matlamat ilmu pengetahuan Penerokaan / Penjelajahan Islam

- Perasaan inquiri (ingin tahu) mengenai sesuatu tempat yang terletak jauh dari petempatan mereka.
- umat Islam mengenai bumi dan kedudukan sesebuah negara semakin bertambah. Di samping itu pengetahuan mengenai pelayaran juga semakin berkembang.
- Mengambil iktibar dan pengajaran dari aktiviti penjelajahan terutama yang berkaitan dengan kehidupan daripada peristiwa yang berlaku ke atas masyarakat terdahulu .

PENUTUP (2m)

Penjelajahan dan penerokaan kuasa-kuasa Eropah telah menyebabkan banyak kerajaan di Amerika, Afrika dan Asia dijajah oleh kuasa-kuasa Eropah dan kekayaan buminya dibawa ke Eropah.

Aktiviti penjelajahan dan penerokaan Islam telah memberikan nafas baru dalam proses perkembangan intelektual dan pembangunan kemasyarakatan serta peningkatan ekonomi masyarakat Islam.

-Apa sahaja yang berkaitan.

.....

SULIT

16. Huraikan asas-asas pembinaan tamadun menurut Islam dan Barat.

Pendahuluan (3 markah)

- a. Masyarakat bertamadun merupakan masyarakat yang mengalami suatu peningkatan cara kehidupan daripada peringkat perkampungan kepada peringkat bandar.
- b. Sebelum wujudnya tamadun, manusia melalui satu proses kehidupan primitif yang panjang. Tahap-tahap ini dibahagikan masanya kepada tiga peringkat iaitu masyarakat paleolitik, mesolitik dan neolitik.
- c. Kebangkitan tamadun manusia bermula apabila berlakunya revolusi pertanian pada zaman neolitik. Ekoran itu berlakulah juga beberapa perubahan lain seperti perubahan petempatan, wujudnya inovasi sains dan teknologi, pengkhususan kerja dan sebagainya.
- d. Pengertian tamadun mengikut perspektif Barat:
- e. Pengertian tamadun mengikut perspektif Islam:

Isi-isi Jawapan:

Asas-asas pembinaan tamadun mengikut perspektif Barat: (5 isi x 2 m =10 m)

- a. Wujud sistem pentadbiran atau institusi politik (terutamanya wujud negara kota). Kewujudan sistem pemerintahan bermula apabila petempatan masyarakat neolitik berkembang menjadi bandar yang seterusnya mewujudkan pula negara kota. Pada peringkat ini keperluan organisasi pemerintahan semakin kompleks.
- b. Kemajuan ekonomi: Kemajuan ekonomi masyarakat berkembang dari berorientasikan sumber alam sahaja kepada penghasilan sumber makanan sendiri. Sistem ekonomi yang teratur, penggunaan sistem barter dalam perdagangan, jalinan perdagangan antarabangsa telah membantu perkembangan ekonomi.
- c. Kemajuan struktur sosial: Perkembangan bandar melahirkan masyarakat yang mempunyai organisasi tersusun. Setiap individu menjadi anggota dalam satu masyarakat yang tersusun dan memainkan peranan tertentu mengikut kedudukannya dalam lapisan masyarakat.
- d. Wujudnya keparcayaan kepada kuasa ghaib: Agama dan kepercayaan mempengaruhi perkembangan kesenian, kesusasteraan, politik, ekonomi dan sosial manusia. Pembinaan piramid di Mesir dan Ziggurat di Mesopotamia jelas menunjukkan kewujudan kepercayaan dan agama tamadun awal manusia.
- e. Ciptaan sistem tulisan.: Sistem tulisan diwujudkan untuk menjadi alat menyampaikan idea dan pengalaman, merekodkan aktiviti perdagangan, menjalin hubungan serantau, mencatat rekod-rekod pentadbiran, merekod upacara-upacara keagamaan dan harta yang ada di kuil.
- f. Kemajuan sains dan teknologi – Ciptaan-ciptaan baru telah dihasilkan seperti roda, kapal, peralatan pertanian, penemuan-penemuan sains seperti astronomi dan matematik dan

SULIT

sebagainya. Kemajuan-kemajuan ini telah meninggikan pengetahuan manusia dan menghasilkan lebih banyak ciptaan yang berasaskan sains dan teknologi.

- g. Pengkhususan pekerjaan : Kemajuan dalam pelbagai teknik baru dan perkembangan kegiatan ekonomi membawa kepada pengkhususan kerja dalam masyarakat yang mengalami urbanisasi. Pengkhususan telah melahirkan orang yang pakar dalam bidang-bidang-bidang tertentu lalu membawa pembentukan masyarakat bertamadun.
- h. Petempatan kekal : Petempatan tertumpu di kawasan berhampiran dengan sungai atau lembah-lembah yang subur dan sesuai untuk pelbagai kegiatan ekonomi. Petempatan ini menjadi asas kepada pembentukan tamadun-tamadun terawal di dunia iaitu Tamadun Mesopotamia di Lembah sungai Tigris-Eupharates, Tamadun Mesir di lembah sungai Nil, tamadun Indus di Lembah sungai Indus dan Tamadun Hwang Ho di Lembah Sungai Hwang Ho.
- i. Perkembangan bandar dan perbandaran: Proses perbandaran yang berlaku di sesebuah petempatan kekal telah membawa kepada kemunculan bandar dan negara kota. Bandar-bandar memainkan peranan sebagai pusat pentadbiran, pusat kegiatan ekonomi, pusat ibadat dan lain-lain lagi. Bandar-bandar tamadun awal seperti Ur, Erech, Kish di lembah Tigris- Eupharates serta Mohenjo-Daro dan Harappa di Lembah Indus.
- j. Sistem perhubungan – perkembangan ini banyak didorong oleh kejayaan mencipta roda untuk memudahkan pengangkutan di samping kejayaan mencipta layar bagi pengangkutan air. Dengan kejayaan ciptaan perhubungan ini membolehkan masyarakat berhubung dengan dunia luar.
- k. Pemakaian undang-undang – Undang-undang yang menekankan perikemanusiaan dan hak individu telah menjadi asas bagi perkembangan sesebuah tamadun. Kod Hamurabi yang menjadi undang-undang Mesopotamia telah diteladani oleh tamadun-tamadun lain. Dengan adanya sistem perundangan ini, jaminan keadilan sosial manusia dan keamanan dapat diwujudkan.
- l. Seni bina - Kejayaan seni bina juga merupakan asas dan ciri-ciri sesebuah tamadun. Kejayaan dalam bidang ini memperlihatkan tahap ketinggian intelektual sesebuah tamadun. Binaan piramid, Ziggurat dan monumen-monumen lain memperlihatkan ketinggian teknologi tamadun berkenaan.

Asas pembentukan tamadun menurut Islam(5 isi x 2m =10 m)

- a. Aqidah : Islam dianggap berjaya membina tamadun yang tinggi berasaskan hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesama manusia dan manusia dengan alam sekitar termasuklah haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Aqidah adalah nilai kepercayaan yang membentuk dan mengawal masyarakat Islam dalam pembinaan tamadun sejak zaman Nabi Adam a.s lagi.
- b. Akhlak : Islam sangat mementingkan akhlak kerana merupakan suatu nilai yang membawa kemajuan ummah. Nilai akhlak sudah ditanamkan oleh Allah s.w.t dalam jiwa manusia sejak zaman Nabi Adam a.s lagi dan begitu juga dalam pembinaan tamadun Islam pada

SULIT

zaman Nabi Muhammad saw. Ahmad Syauqi berkata sesungguhnya sesuatu umat akan kekal sekiranya akhlaknya kekal. Sebaliknya sekiranya hancur akhlak sesuatu umat itu, maka umat itu sendiri akan hancur binasa. Dalam pembinaan tamadun Islam mereka mahu melahirkan golongan tenaga kerja yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran tinggi tetapi mempunyai nilai-nilai akhlak yang mulia.

- c. Ilmu pengetahuan : Merupakan asas pembinaan tamadun Islam. Al Quran amat menekankan asas ilmu pengetahuan iaitu membaca dan menulis. Daripada ilmu pengetahuan akan melahirkan masyarakat bertamadun.
- d. Keadilan : Dalam Islam konsep keadilan ditekankan dalam pembinaan tamadun kepada seluruh manusia dalam semua keadaan. Al Quran dengan tegas telah menggesa para pemerintah melakukan keadilan seperti dalam Surah An Nisa.
- e. Semangat kejiranan : . Hubungan sesama manusia meliputi semua bidang termasuk politik, ekonomi, dan sosial. Dalam menjalin hubungan sesama manusia, setiap individu diwajibkan mematuhi segala perintah Allah s.w.t dan meninggalkan larangannya untuk membentuk keluarga, jiran, masyarakat dan negara. Justeru itu perlunya kerjasama, perpaduan dan tolong-menolong sesama manusia demi mencapai matlamat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat..
- f. Kebebasan : Islam memberi kebebasan kepada manusia agar dapat melaksanakan segala urusan kehidupan yang berkaitan dengan politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya selagi tidak bercanggah dengan hukum syarak. Kebebasan yang dimaksudkan ialah kebebasan bergerak, kebebasan bersuara dan mengeluarkan buah fikiran dan kebebasan beragama.
- g. Perkara-perkara yang menjadi asas tamadun barat juga ada ditekankan dalam tamadun Islam tetapi ia tidak menjadi perkara pokok atau utama dalam membina tamadun.

Penutup:(2 markah)

- Perkembangan tamadun berlaku secara berperingkat-peringkat. Kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh masyarakat tamadun awal terus diwarisi oleh masyarakat.
- Pembinaan tamadun barat berasaskan kemajuan fizikal dan kebendaan manakala pembinaan tamadun Islam berasaskan pembangunan manusia yang beriman dan bertaqwa kepada Allah swt.